Fokus Pendidikan MS 1, 11, 14, 15 & 22

PIA, tunggu pelaksanaan projek pembesaran MS 5

PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

1 – 15 FEBRUARI, 2018

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Pulau Pinang cemerlang Ujian Penilaian Kelas KAFA

# No. 1 di Malaysia

Oleh : **SUNARTI YUSOFF & AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** – Pulau Pinang mencatatkan keputusan cemerlang dalam Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) bagi tahun 2017 sekaligus menduduki tempat pertama mengatasi negeri-negeri lain.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim ketika mengumumkannya berkata, **seramai 2,540 pelajar atau 41.74 peratus daripada 6,085 calon yang menduduki ujian itu pada tahun 2017 berjaya memperoleh agregat 8A.**

**"Ia meningkat sebanyak 7.99 peratus berbanding tahun 2016 yang hanya 1,927 pelajar atau 33.71 peratus memperoleh agregat 8A daripada 5,716 pelajar yang menduduki UPKK.**

**"Lebih membanggakan, berdasarkan analisa agregat 8A bagi seluruh negara, KAFA Pulau Pinang menduduki tempat pertama pada tahun 2017 berbanding 2016 (kedua).**

**"Justeru, bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada semua pihak berkaitan terutama kepada 1,564 guru yang berkhidmat di 208 pusat KAFA seluruh negeri,"** ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd Rashid Hasnon yang turut serta dalam sidang media tersebut turut berbangga dengan pencapaian cemerlang berkaitan.

"Tentunya bagi pihak Kerajaan Negeri, kita akan meneruskan usaha-usaha serta memberikan sokongan dalam memartabatkan pendidikan agama Islam di negeri ini," katanya.

Pengajian KAFA atau Kelas Asas Fardhu 'Ain di Pulau Pinang menyediakan pendidikan bagi kanak-kanak sekolah rendah bermula daripada umur tujuh hingga 11 tahun.

Manakala bagi murid berumur 12 tahun, disediakan modul Pra Tahfiz, iaitu Sijil Rendah Asas Tahfiz Al-Quran (SRATA) yang akan dijalankan pasca Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) sebagai nilai tambah kepada pencapaian dan aktiviti ko-kurikulum agama di negeri ini.

Pencapaian UPKK setiap negeri berdasarkan pencapaian agregat 8A adalah sebagaimana di Lampiran A.

**UJIAN PENILAIAN KELAS KAFA (UPKK) PULAU PINANG CEMERLANG**

**Perbandingan Pencapaian UPKK Setiap Negeri Berdasarkan Pencapaian 8A:**

| | |
|---|---|
| 1. Pulau Pinang | 41.74 % |
| 2. Melaka | 38.45 % |
| 3. Wilayah | 37.68 % |
| 4. Pahang | 32.49 % |
| 5. Perak | 32.25 % |
| 6. Negeri Sembilan | 29.76 % |
| 7. Johor | 27.78 % |
| 8. Selangor | 27.56 % |
| 9. Terengganu | 26.12 % |
| 10. Perlis | 25.85 % |
| 11. Kedah | 23.10 % |
| 12. Kelantan | 22.09 % |
| 13. Sabah | 21.34 % |
| 14. Sarawak | 04.28 % |

**LAMPIRAN A.**




**MOHD. Rashid Hasnon (kanan) dan Abdul Malik Abul Kassim menunjukkan dokumen berkaitan berhubung pencapaian keputusan UPKK 2017 pada sidang media di sini baru-baru ini.**

*(Rujuk juga muka surat 11, 14, 15, 22).*

# Ambil tahu, berkhidmat kepada rakyat - Tung Seang

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar bersama-sama selepas selesai Majlis Penerimaan Jawatan Sebagai Datuk Bandar MBPP di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Ar. Yew Tung Seang mengangkat sumpah sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) baharu di hadapan Ketua Menteri serta barisan kepimpinan Kerajaan Negeri di Dewan Bandaraya pada 22 Januari lalu.

Bercakap kepada pemberita, Tung Seang memberitahu, salah satu fokus pentadbirannya selepas ini adalah mengambil tahu dan berkhidmat kepada rakyat dengan menggunakan pendekatan yang lebih kepada '*street view*' berbanding '*helicopter view*'.

"Saya percaya dengan mengenali rakyat (dengan) lebih dekat berserta penglibatan komuniti mampu merealisasikan *Sustainable Development Goals* (SDGs) dan *New Urban Agenda* (NUA) *2030*.

"Malah, Majlis juga sedang memantapkan *Smart City Blue Print* dengan memfokuskan kepada lima domain utama iaitu kerajaan pintar, mobiliti pintar, persekitaran pintar, ekonomi pintar dan sosial pintar," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penerimaan Jawatan Sebagai Datuk Bandar MBPP di sini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; barisan Exco Kerajaan Negeri; beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus turut menyaksikan istiadat majlis angkat sumpah tersebut.

Mengulas lanjut, Tung Seang berkata, semua 44 sistem sedia ada dalam MBPP akan diintegrasikan menjadi satu sistem tunggal untuk mewujudkan satu data raya.

"Semua sistem ini akan diintegrasikan menjadi satu sistem tunggal dengan penggunaan ICT dan *Internet of Things* (IoT) bagi tujuan penganalisaan data (BDA) yang boleh mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian.

"Ia juga merupakan panduan penting semasa menetapkan dasar-dasar mengikut kehendak umum...ini adalah searus dengan era Industri 4.0 yang mengeksploitasikan keupayaan *machine learning* dan *artificial intelligence* (A.I)," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Tung Seang turut merakamkan penghargaan kepada mantan Datuk Bandar MBPP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif yang menerajui Majlis selama enam bulan 18 hari sebelum melakar sejarah sebagai rakyat Malaysia pertama memegang jawatan tertinggi di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Sebelum itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya menyatakan bahawa lantikan Tung Seang dan Ir. Addnan Mohd. Razali (Setiausaha Bandaraya) merupakan kesinambungan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang dalam melantik pegawai daripada latar belakang sains dan teknologi bagi menjawat kedua-dua jawatan berkaitan.

"Ia adalah pendekatan Pulau Pinang ke arah menggunakan teknologi canggih, untuk lebih cepat menjadi negeri yang bersih, hijau, sihat dan selamat.

"Pada masa sama, sejak 2008, Kerajaan Negeri juga melantik secara dalaman bagi kedua-dua Kerajaan Tempatan yang mana lantikan dibuat dalam kalangan warga kerja serta pegawai MBPP dan MPSP untuk jawatan Datuk Bandar atau Yang di-Pertua Majlis.

"Ini adalah sesuatu yang tersendiri kerana tidak pernah ada Kerajaan Tempatan yang memberikan peluang sedemikian kepada anggota pentadbirannya.

"Ia bukan sahaja peluang untuk menarik rekrut-rekrut baharu yang paling baik, malah akan berikan semangat serta nafas baru untuk semua warga kerja untuk lebih tekun, rajin, komited dan dedikasi," jelasnya.



**AR. Yew Tung Seang (kanan) dan Ir. Addnan Mohd. Razali.**




Oleh: **ME**

# Permainan perkauman tidak harus diteruskan, seru KM

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang yang digambarkan sebagai anti-Islam dan anti-Melayu mengumumkan pemberian elaun berjumlah RM1,478,097.60 juta kepada 406 imam, bilal (365) dan siak (386) bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini (Januari hingga Jun).

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, beliau tidak menolak kemungkinan bahawa Kerajaan Negeri akan difitnah sekali lagi oleh pembangkang Pulau Pinang gara-gara memberi peruntukan yang memang diperlukan oleh institusi dan umat Islam di negeri ini.

"70 peratus peruntukan bagi membayar elaun pegawai-pegawai masjid ditanggung oleh Kerajaan Negeri, manakala 30 peratus lagi ditanggung (oleh) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

"Apabila Kerajaan Negeri menaikkan peruntukan hal ehwal pembangunan Islam sebanyak 84 peratus, kita (Kerajaan Negeri) diserang sebagai 'anti-Cina', 'angkat undi Cina tapi bantu orang Melayu'.

"Permainan perkauman ini tidak harus diteruskan, Kerajaan Negeri perlu bantu semua orang tanpa mengira apa fahaman pun, latar belakang bangsa atau agama," tegasnya pada sidang media di sini 24 Januari lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, Dato' Sazali Hussein.

Menurut Guan Eng, elaun bulanan imam, bilal dan siak masing-masing adalah sebanyak RM850, RM324 dan RM360.




**KETUA Menteri, Mohd. Rashid Hasnon (kanan sekali) dan Abdul Malik Abul Kassim (dua dari kiri) dan Sazali Hussein (kiri sekali) pada majlis penyerahan sumbangan cek di sini baru-baru ini.**

## Pulau Pinang diisytihar bebas rabies - Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**



**DR. Afif Bahardin.**

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang kini diisytihar bebas daripada penyakit rabies atau anjing gila selepas Kerajaan Negeri melaksanakan Pewartaan Penyakit Rabies pada 15 September 2015.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, pengisytiharan itu dibuat selepas tiada kes terbaru rabies dilaporkan dalam tempoh dua tahun ini.

"Rentetan penularan wabak rabies pada 2015, Kerajaan Negeri mewartakan suatu pewartaan di bawah Seksyen 39(1) Akta Binatang 1953 (Akta 647) selepas mendapati kes rabies yang bermula di Perlis telah menular ke Pulau Pinang dan disahkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri pada 14 September 2015.

"Dalam tempoh tersebut, JPV Negeri, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Jabatan Kesihatan Negeri telah mengambil langkah proaktif bagi membendung penularannya," ujarnya dalam kenyataan akhbar bertarikh 19 Januari 2018.

Menurut kenyataan tersebut, menurut Afif, antara langkah proaktif yang diambil adalah mengadakan pengawasan klinikal, pensampelan aktif, pemusnahan anjing yang disyaki positif rabies, mengawal populasi anjing liar di negeri ini, melarang kemasukan anjing ke Pulau Pinang dari Perak serta Sarawak berkuat kuasa serta-merta dan sekatan permit kemasukan anjing keluar dari Perak serta Sarawak.

"Di samping itu, kawalan pembasmian dan pencegahan rabies melalui vaksinasi anti rabies melibatkan haiwan untuk keperluan import dan eksport atau melalui permohonan tuan punya turut dilaksanakan," katanya.

Walau bagaimanapun, tambah Afif, pensampelan dan pengawasan pasif akan diteruskan mengikut sasaran JPV Negeri.

"Sebagai tambahan, orang awam juga dinasihatkan supaya memberi kerjasama sepenuhnya serta melaporkan aktiviti anjing terbiar kepada pihak berkuasa tempatan," seru beliau.

## Segerakan RTB Sungai Pinang, gesa Exco




**JAGDEEP Singh Deo (tengah, berkemeja putih) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian penerima sumbangan pada Program Penyampaian Bantuan Persekolahan 2018 Peringkat KADUN Datuk Keramat di sini baru-baru ini.**

**DATUK KERAMAT –** Sejak 2014, sejumlah RM127,500 dibelanjakan untuk sumbangan baju sekolah kepada pelajar-pelajar terpilih sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Datuk Keramat, kata Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Jagdeep Singh Deo.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Kerajaan Negeri melihat amalan berbelanja lebih sebegini adalah pelaburan masa depan buat rakyat Pulau Pinang.

"Bantuan ini adalah sangat penting kerana Kerajaan Negeri Pakatan Harapan berpendapat bahawa modal insan merupakan satu pelaburan masa depan Pulau Pinang.

"Malah, pada masa sama, inisiatif ini secara tidak langsung dapat meringankan beban ibu bapa, terutamanya yang mempunyai anak ramai," ujarnya pada Program Penyampaian Bantuan Persekolahan 2018 Peringkat KADUN Datuk Keramat di sini baru-baru ini.

Pada majlis sama, Jagdeep yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan turut menyampaikan bantuan RM10,000 kepada Persatuan Penjaja-penjaja Kecil Lorong Kulit Pulau Pinang.

"Ini adalah ekoran pejabat persatuan yang dikatakan mengalami kerosakan akibat banjir besar dan angin ribut pada 4 dan 5 November lalu.

"Inipun satu masalah besar... kita (Kerajaan Negeri) sudah berkali-kali memohon Kerajaan Pusat supaya mempercepat dan menyiapkan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang pada kadar secepat mungkin.

"Adalah lebih malang lagi bila saya difahamkan bukan sahaja RTB Sungai Pinang, bahkan lebih 20 kawasan lain seluruh negara masih punyai masalah sama seperti di sini," tegasnya.

Pada majlis sama, Jagdeep turut menzahirkan keluh-kesah penduduk tempatan yang acapkali ditimpa bencana banjir, akibat kelewatan Kerajaan Persekutuan melaksanakan fasa kedua RTB Sungai Pinang yang dijanjikan sebelum ini.

# Dana permulaan HHSF inisiatif pulihara bangunan warisan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**




**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakamkan gambar kenangan bersama-sama kakitangan GTWHI pada Majlis Pelancaran Program Perayaan Ulang Tahun Ke-10 Tapak Warisan Dunia (UNESCO) George Town di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri bakal memperkenalkan *Heritage Habitat Seed Fund* (HHSF) dengan dana permulaan berjumlah RM3 juta bagi membantu memulihara bangunan-bangunan warisan yang terletak di dalam kawasan Tapak Warisan Dunia (UNESCO) George Town, umum Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Beliau berkata, inisiatif tersebut adalah bertujuan menyokong para pemilik bangunan warisan untuk membaiki atau memulihkan semula bangunan-bangunan warisan.

"Program insentif ini akan dibangunkan oleh *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI) sebagai menyokong pemilik yang menyewakan hartanah masing-masing dengan kadar berpatutan kepada penyewa jangka panjang.

"Usaha ini adalah penting demi memastikan bahawa pihak-pihak yang mencintai tapak serta bangunan-bangunan warisan untuk terus 'hidup' serta menyokong pertumbuhan bangunan warisan ini di samping mempertahankan amalan dan tradisi sedia ada," katanya ketika merasmikan Pelancaran Program Perayaan Ulang Tahun Ke-10 Tapak Warisan Dunia (UNESCO) George Town di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Wong Hon Wai (Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Air Itam); Teh Lai Heng (ADUN Komtar) dan Dr. Ang Meng Chee (Pengurus Besar GTWHI).

George Town bakal meraikan ulang tahun ke-10 sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada 7 Julai ini.

Bercerita lanjut mengenai HHSF, Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri akan melihat respons terhadap pelaksanaan program tersebut terlebih dahulu sebelum dipertimbang untuk meluaskannya.

"Kita (Kerajaan Negeri) memerlukan sokongan masyarakat setempat untuk mengekalkan amalan dan tradisi di sini.

"Kerajaan Negeri akan melihat sambutan kepada program tersebut terlebih dahulu, yang mana pemilik bangunan warisan di zon Tapak Warisan Dunia (UNESCO) George Town boleh memohon pembiayaan daripada HHSF untuk memulih atau memperbaiki bangunan masing-masing.

"Selepas itu, pertimbangan akan dibuat sama ada perlu perluaskannya atau tidak," jelasnya.

Pada majlis tersebut, GTWHI turut melancarkan logo ulang tahun ke-10 yang merupakan imej grafik bercirikan tingkap kayu yang lazimnya terdapat pada rumah-rumah kedai zon tapak warisan.

## RSNPP 2030 Pulau Pinang di peringkat akhir draf - Exco

**GEORGE TOWN** – Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2030 kini di peringkat akhir draf setelah mendapat input-input daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk wakil-wakil rakyat dan penyertaan awam.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo memberitahu bahawa pada permulaannya, draf RSNPP adalah sehingga tahun 2020 sahaja, tetapi memandangkan pemajuan pesat di Pulau Pinang, maka beberapa siri perbincangan, mesyuarat serta bengkel diadakan bagi membincangkan draf RSNPP 2030.

"Beberapa perkara penting perlu dirangkumkan di dalam RSNPP 2030 ini, antaranya aspek pemajuan mampan, perumahan yang mantap, Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang dan pemeliharaan status George Town sebagai Tapak Warisan Dunia.

"Teras-teras utama hasil daripada pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang yang termasuk Cekap, Akauntabel dan Telus



**JAGDEEP Singh Deo.**

(CAT) serta cogan kata Bersih, Hijau, Sihat, Selamat dan Bahagia serta hasrat menjadi sebuah negeri pintar serta antarabangsa perlu disemai ke dalam semua aspek perancangan masa hadapan negeri," ujarnya yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada sesi taklimat draf RSNPP 2030 kepada barisan ADUN di sini 18 Januari lalu.

Hadir sama, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Dr. Mohamad Farazi Johari.

Melalui peruntukan perundangan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), khususnya Seksyen 11 (1), kajian semula terhadap setiap Rancangan Struktur Negeri perlu dibuat di dalam satu tempoh lima tahun.

Menurut Jagdeep, walaupun RSNPP sebelum ini telah diwartakan pada tahun 2007, namun wujud beberapa isu yang menyebabkan tergendalanya penyemakan semula untuk tujuan pewartaan RSNPP yang baru.

"Sejak pengambil alihan Kerajaan Negeri pada 2008, sudah ternampak begitu banyak perbezaan dari segi hala tuju Pulau Pinang berbanding dengan kerajaan terdahulu yang mana pembangunan negeri sekarang adalah berteraskan pembangunan Bersih, Hijau, Sihat, Selamat dan Bahagia di semua daerah.

"Berdasarkan cogan kata tersebut, beberapa bandar satelit telahpun diwujudkan terutamanya di Batu Kawan, malah, ada cadangan untuk beberapa bandar satelit lain di beberapa bahagian Seberang Perai.

"Memandangkan perancangan besar untuk masa hadapan Seberang Perai, cadangan dibuat untuk mencantumkan ketiga-tiga Rancangan Tempatan (RT) Seberang Perai iaitu RT Seberang Perai Utara, RT Seberang Perai Tengah dan RT Seberang Perai Selatan," jelasnya.

Mengulas lanjut, Jagdeep menyatakan bahawa akibat daripada hasrat menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pintar dan antarabangsa, beberapa Rancangan Kawasan Khas (RKK) juga perlu dimuktamadkan.

"Ia meliputi RKK Tapak Warisan Dunia George Town, RKK Bukit Bendera dan RKK Taman Botani," jelas beliau.

# PIA catat pertumbuhan 8% ketibaan penumpang, tunggu pelaksanaan projek pembesaran

**GEORGE TOWN** – Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) perlu dibesarkan dengan kadar segera memandangkan kapasiti penumpang kini telah melebihi kapasiti asal 6.5 juta penumpang.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, kapasiti penumpang di PIA kini hanya boleh menampung sebingga 6.5 juta penumpang namun, tahun lalu, ia telah melebihi kapasiti asal dengan 6.68 juta penumpang.

**"Tahun lalu, kadar ketibaan penumpang di PIA meningkat sebanyak 8.01 peratus iaitu daripada 6.68 juta pada 2016 kepada 7.22 juta (2017).**

**"(Kadar ketibaan) penumpang antarabangsa meningkat 10.38 peratus iaitu daripada 2.83 juta (2016) kepada 3.12 juta penumpang (2017), manakala domestik pula, 3.85 juta pada 2016 menjadi 4.09 juta penumpang pada 2017 meningkat 6.27 peratus.**

**"(Dan) tentulah ia menjadi petunjuk bahawa sektor pelancongan negeri memberangsangkan... sebab itu Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ini perlu dibesarkan segera,"** ujarnya pada sidang media di sini 1 Februari lalu. (Rujuk Lampiran A).

Jelas Guan Eng, dalam Belanjawan 2018 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan peruntukan untuk menaik taraf PIA.

"Terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana bersedia untuk besarkan PIA...namun kita (Kerajaan Negeri) masih menunggu bilakah projek tersebut akan dilaksanakan.

"Saya harap ia dapat dilaksanakan cepat kerana kapasiti PIA cuma 6.5 juta, tetapi sekarang telah mencatatkan 7.22 juta penumpang...tahun ini pasti akan lebih ramai lagi," katanya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Dalam pembentangan Belanjawan 2018 tahun lalu, Najib mengumumkan untuk menaik taraf PIA, namun tidak menyatakan tarikh untuk memulakan kerja-kerja menaik taraf dan pembesaran PIA.



PASSENGER TRAFFIC (DEPARTURE AND ARRIVAL)

Passenger Movements 2016 vs 2017 (Jan – Dec Preliminary)

| | 2017 | 2016 | 2017 vs 2016 % change |
|---|---|---|---|
| International | 3,127,446 | 2,833,293 | 10.38% |
| Domestic | 4,092,296 | 3,850,741 | 6.27% |
| Total | 7,219,742 | 6,684,034 | 8.01% |



LAMPIRAN A.

## Penghuni PPR digalakkan buat aduan sekiranya berlaku kacau ganggu – Exco

**GEORGE TOWN –** Jalinan kerjasama antara Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) bakal diadakan bagi meningkatkan kesedaran penghuni terhadap peri pentingnya menjaga keharmonian persekitaran Projek Perumahan Rakyat (PPR) negeri.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, Kerajaan Negeri memandang serius tragedi pada 15 Januari lalu di PPR Pantai Dalam, Kuala Lumpur yang mana mengakibatkan seorang remaja lelaki maut akibat hentakan objek dipercayai kerusi yang dibuang dari tingkat atas.

Katanya, berdasarkan keseriusan kejadian yang berlaku di PPR tersebut, beliau telah mengarahkan supaya satu bengkel diadakan dengan serta-merta untuk membincangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk memupuk lebih kesedaran dalam kalangan penghuni-penghuni PPR di negeri Pulau Pinang.

"Sebelum ini, Bahagian Perumahan (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri) dan PWDC telahpun menjalankan satu program bersama-sama penghuni PPR Ampangan, PPR Desa Wawasan dan PPR Jalan Sungai .

"Mereka (penghuni) telah memberikan maklum balas tentang isu-isu yang dialami di situ, yang mana cadangan-cadangan untuk menangani isu-isu tersebut telah dikemukakan di akhir penganjuran program berkaitan.

"Program-program kesedaran di semua PPR negeri adalah penting untuk mendidik penghuni-penghuni di sini mengenai peri pentingnya untuk tidak melanggar syarat-syarat seperti meletakkan objek atau halangan di laluan guna sama, pengubahsuaian dan binaan haram serta membuang sampah merata-rata ataupun sebarang kegiatan yang boleh menimbulkan bahaya," ujar Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan sidang media pada lawatan ke PPR Taman Manggis di sini 19 Januari lalu.

Turut serta, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Ong Bee Ling dan Nadzifah Abd. Rahim (Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Penguatkuasaan dan Strata, Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri).

Selain itu, Jagdeep menyatakan bahawa Kerajaan Negeri kini akan menguatkuasakan peruntukan undang-undang mengikut Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dan Peraturan-peraturan dalam Jadual Ketiga, Bahagian 4,Perkara 20 mengenai larangan membuat halangan.

"Bahagian perumahan sentiasa menjalankan pemantauan dan menerima sebarang aduan daripada penghuni PPR.

"Sehingga kini, sejumlah 28 notis langgar syarat telah dikeluarkan oleh kita (Bahagian Perumahan) daripada Januari sehingga Disember 2017.

"Kita galakkan penghuni untuk membuat laporan dan menghantar bukti, gambar atau video sekiranya terdapat sebarang perbuatan kacau ganggu yang menimbulkan kerisauan serta bahaya kepada mereka dan para penduduk lain.

"Siasatan akan dijalankan dan sekiranya berasas, maka tindakan penguatkuasaan akan diambil. Jika melibatkan isu keselamatan atau jenayah, struktur bangunan dan lain-lain, ia akan disalurkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM), pihak berkuasa tempatan (PBT) atau lain-lain pihak terlibat," jelasnya.

## Petani, penternak harus persiap diri depani Revolusi Industri 4.0

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**





**DR. Afif Bahardin (tengah, berkemeja perang) bergambar bersama-sama para penerima bantuan Majlis Penyampaian Bantuan Khas Tahun 2017 dekat Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

**MACHANG BUBOK** – Golongan petani dan penternak di negeri ini digesa untuk mempersiapkan diri dalam mendepani Revolusi Industri 4.0.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, golongan petani seharusnya memanfaatkan arus revolusi bagi meningkatkan hasil tanaman atau ternakan dan pendapatan masing-masing.

"Salah satu cara mempersiapkan diri adalah dengan menyertai program-program diperkenalkan Kerajaan Negeri sebagai platform bukan sahaja kepada petani, malah juga penternak dan peniaga kecil untuk lebih berdaya saing.

"Misalnya, Kerajaan Negeri bakal memperkenalkan Program Pasar Tap, iaitu satu platform membeli barangan basah seperti ayam, ikan atau sayur secara dalam talian yang popular sekarang ini di Kuala Lumpur.

"Setakat ini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah memilih Pasar Awam Bayan Baru sebagai perintis untuk Program Pasar Tap, yang mana para pembeli dapat membeli barangan basah tanpa perlu ke pasar dan barangan akan terus dihantar ke rumah mereka," katanya pada Majlis Penyampaian Bantuan Khas Tahun 2017 dekat Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang, Rozaidi Abdul Rahman dan Timbalannya, Shahbani Ismail.

Menurut Afif, Kerajaan Negeri juga sedang mengkaji bagi membantu petani dan penternak di negeri ini menjual sayuran atau ternakan secara terus kepada pemborong menggunakan mekanisme sama.

"Dengan menggabungkan Revolusi Industri 4.0 ini, ia dapat meningkatkan pendapatan petani dan penternak kerana produk dapat dijual kepada lebih ramai orang dan pasaran yang lebih luas berbanding berniaga di pasar hari.

"Diharap apabila platform ini dilaksanakan kelak ia juga dapat membantu meningkatkan industri pertanian dan penternakan di negeri ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Dalam perkembangan berasingan, Afif memberitahu seramai 102 petani berdaftar di negeri ini yang terbabit dalam musibah banjir pada September tahun lepas menerima bantuan baja daripada Kerajaan Negeri.

"Banjir pada 15 September lalu melibatkan sawah padi dan kebun sayur membabitkan keluasan keseluruhan sebanyak 38.93 hektar dengan anggaran kerugian sebanyak RM231,000," jelasnya.

# Taman Botani Pulau Pinang ada potensi diiktiraf UNESCO - Dr. Nigel Taylor

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**KEBUN BUNGA -** Pengarah Taman Botani Singapura, Dr. Nigel Taylor memberitahu bahawa Taman Botani Pulau Pinang mempunyai potensi untuk memenuhi kriteria dikehendaki Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Beliau berkata demikian pada Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara kedua-dua pihak, dengan disaksikan sendiri oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

"Taman Botani Pulau Pinang ini adalah satu kawasan (habitat) flora dan fauna, kombinasi sejuk serta panas di kawasan ini jua ada potensi diiktiraf UNESCO," jelasnya di Kompleks Pentadbiran Jabatan Taman Botani Pulau Pinang di sini 22 Januari lalu.

Selain Guan Eng, turut berucap ialah Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo dan Pengarah Jabatan Taman Botani Pulau Pinang, Mohd. Azwa Shah Ahmad.

Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai; ADUN Pulau Tikus, Yap Soo Huey; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Presiden Persatuan Sahabat Taman Botani Pulau Pinang, Dr. Liew Kon Wui serta Pengerusi Program Agrobiologi dan Bioteknologi Tumbuhan di Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Madya S. Sreeramanan turut menyaksikan majlis bersejarah tersebut.

Guan Eng dalam ucapannya berharap hubungan kedua-dua belah pihak khususnya dalam bidang botani akan lebih erat dengan termeterainya MoU bersejarah tersebut.

"Aspirasi kami terhadap masa depan Taman Botani Pulau Pinang adalah sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO mungkin dilihat begitu optimis, tetapi PBG (Taman Botani Pulau Pinang) mestilah membawa sesuatu yang diperlukan dari segi sejarah dan memiliki khazanah flora serta fauna untuk pengiktirafan antarabangsa ini," ujarnya yang juga ADUN Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.



**MOHD. Azwa Shah Ahmad (tiga dari kiri) bertukar-tukar dokumen MoU dengan Dr. Nigel Taylor (tiga dari kanan) sambil disaksikan Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri selepas selesai majlis menandatangani MoU antara dua pihak berkaitan di sini baru-baru ini.**

## Exco sertai program khas dekati, kongsi kisah gelandangan



**DR. Afif Bahardin (barisan kedua, empat dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama para peserta yang mengambil bahagian dalam program khas bagi menyantuni gelandangan di sini baru-baru ini.**

**BAGAN -** Meskipun sibuk dengan jadual harian sebagai Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, ia tidak menghalang Dr. Afif Bahardin bersama-sama Persatuan Kebajikan Komuniti Ikhlas Malaysia (PKKIM) meredahi kesejukan malam menyantuni kira-kira 60 gelandangan di sekitar terminal feri Pangkalan Sultan Abdul Halim di sini.

Malah, Afif ketika ditemui memberitahu, kehadirannya bersama-sama PKKIM memberikan pengalaman baru buat diri beliau dalam mendekati serta berkongsi kisah dengan golongan terbabit.

"Malam ini, saya bersama-sama PKKIM membuat tinjauan bersahaja untuk mendekati gelandangan di sini sambil beramah-mesra dengan mereka, memberi motivasi dan bimbingan selain berkongsi cerita.

"Saya juga berkesempatan memberikan nasihat kepada mereka agar tidak terjebak dengan gejala-gejala negatif yang boleh merosakkan diri, dan sekiranya ada yang sudah 'berjinak' saya nasihati individu terbabit supaya meninggalkan perkara tersebut.

"Saya harap kunjungan kami ini dapat mendekatkan mereka (gelandangan) dengan masyarakat sekeliling agar (mereka) tidak berasa tersisih serta tidak dipedulikan," katanya yang turut berharap program sebegini dapat diteruskan pada masa hadapan.

Pada kunjungan tersebut golongan gelandangan turut disajikan dengan makanan dan minuman percuma.



# Laluan kanopi bakal tarik lebih ramai pengunjung ke Bukit Bendera

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**AIR PUTIH -** Laluan kanopi merentasi pokok-pokok hutan belantara tropika di puncak Bukit Bendera kini dibuka kepada pengunjung tempatan serta pelancong asing.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika merasmikan fasa kedua projek The Habitat tersebut berkata, laluan kanopi itu akan menambahkan lagi daya tarikan pengunjung sedunia ke negeri ini.

"Tahun lepas, The Habitat juga menjadi tempat utama untuk acara unik apabila ia menganjurkan beberapa fungsi di *Curtis Crest Tree Top Walk*, lokasi melihat pemandangan 360 darjah tertinggi di Pulau Pinang.

"Ini termasuk fungsi *Cocktail Sunset* membabitkan lebih 100 perwakilan dari *World Travel Mart* yang diadakan di Pulau Pinang pada April 2017; *Penang Hill BioBlitz Appreciation Dinner* pada Oktober 2017 sebagai meraikan kira-kira 100 saintis, peserta serta tetamu yang mengambil bahagian dalam Ekspedisi Biodiversiti The Habitat ke hutan hujan tropika Pulau Pinang.

"Kepada mereka yang melabur dalam fasa kedua projek The Habitat ini, saya dapat merasai betapa kuatnya komitmen pihak-pihak berkaitan untuk menjadikan Pulau Pinang, khususnya Bukit Bendera ini sebagai lokasi eko-pelancongan antara yang paling menarik di dunia, dengan pembukaan laluan kanopi kepada orang awam ini," ucapnya pada Majlis Perasmian Pembukaan Fasa II Laluan Kanopi The Habitat di sini baru-baru ini.



**MOHD. Rashid Hasnon (tengah) bergambar kenangan bersama-sama beberapa pengunjung laluan kanopi The Habitat selepas majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**



**LALUAN yang 'menghubungkan' umum dengan keindahan semula jadi.**

Laluan kanopi tersebut adalah sepanjang kira-kira 230 meter (m) termasuk 115 m jambatan yang merentasi kawasan hutan, berada di ketinggian hampir 800 kaki dari paras laut.

Mengulas lanjut, Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri tidak sabar menanti pelancaran Fasa III projek The Habitat, *The Habitat Aerial Trail* atau *Zip-Lines*, yang dijangka dibuka pada akhir tahun ini.

Selain beliau, Pengasas bersama The Habitat, Harry Cockrell dan anaknya, Reza Cockrell; Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus turut sertai majlis itu.

Ketika berucap, Reza menyatakan bahawa misi The Habitat adalah untuk memulihara kepelbagaian biodiversiti melalui pendidikan, penyelidikan serta pelancongan lestari, dan infrastruktur yang direka bentuk untuk membawa orang kembali ke hutan, demi menyambung semula keprihatinan mereka dengan alam semula jadi.

"Diharapkan umum akan terinspirasi untuk mempercayai kemampuan mereka sendiri dalam membantu memulihara alam semula jadi," ujarnya sambil memberitahu bahawa potongan yuran masuk 50 peratus akan diberikan kepada pemegang kad pengenalan MyKad ke sini.



**PANORAMA yang berjaya dirakam.**

## '*Kids Can Code*' beri pendedahan ilmu pengekodan, lahir pereka teknologi berbakat

**GEORGE TOWN -** Kelas percubaan di bawah Program Pembelajaran Digital atau *E-Learning Program*, '*Kids Can Code*' mensasarkan pelajar berusia 7 hingga 15 tahun sebagai pendedahan awal pengekodan.

Program kolaborasi antara Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan Telebort Technologies Sdn. Bhd. (Telebort) tersebut merupakan program secara tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi memberi pendedahan awal kepada pelajar sekolah rendah dan menengah terpilih mengikut kategori umur.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir menyempurnakan kelas percubaan pertama baru-baru ini berkata, dalam era Revolusi Industri 4.0, pengetahuan berasaskan pengumpulan dan analisis data menerusi Analisis Data Besar (BDA), pengkomputeran awan (*cloud computing*), *artificial intelligence* (AI), robotik, Internet Benda (IoT) dan dagangan elektronik (*e-commerce*) adalah penting.

"Oleh itu, CMI melalui Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL) dan Telebort tidak mahu ketinggalan dalam merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri bertaraf antarabangsa dan pintar.

"Lagipun, saya percaya dengan adanya kelas percubaan ini, Pulau Pinang mampu memberikan pendedahan awal kepada pelajar sekolah dan seterusnya melahirkan pereka teknologi berbakat," ucapnya pada Majlis Pelancaran Program Pembelajaran Digital di PDL 27 Januari lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo; Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan.

Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Addnan Mohd. Razali; Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ir. Rosnani Mahmud; Timbalan Pengurus Besar CMI, S. Bharathi; Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Penang Science Cluster, Ooi Peng Ee dan CEO Penang STEM, Ang Lye Hin antara tetamu kehormat yang turut hadir pada majlis berkaitan.

Guan Eng dalam pada itu turut memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan untuk membina baru sebuah lagi bangunan bersebelahan PDL iaitu PDL2 bagi menampung kapasiti pengunjung yang semakin bertambah.

"Kerajaan Negeri akan membelanjakan RM11 juta bagi membangunkan PDL2 ini dan dijangka siap pada hujung tahun ini.

"Kedua-duanya akan menjadi perpustakaan digital pertama di Malaysia yang beroperasi 365 hari setahun, 24 jam sehari termasuk cuti umum," katanya yang turut meninjau tapak cadangan pembangunan PDL2.



**SEBAHAGIAN pelajar yang mengikuti kelas '*Kids Can Code*' di PDL di sini baru-baru ini.**

Difahamkan, kelas '*Kids Can Code*' berkenaan dijalankan pada hari Sabtu minggu terakhir setiap bulan bermula 27 Januari lalu sehingga Disember 2018. Kuota bagi setiap kelas adalah 30 pelajar yang dibahagikan mengikut kategori umur iaitu Kelas A untuk pelajar berumur antara 7 hingga 12 tahun dan Kelas B (13 hingga 15 tahun).

Pelajar juga boleh melanjutkan pelajaran ke Program Teras iaitu '*Foundation of Creative Computing*' yang mengambil masa empat bulan untuk melengkapkan 16 sesi dan yuran dikenakan setiap bulan.

Maklumat lanjut, boleh layari laman sesawang *www.telebort.com*.

# HEB terima kenaikan peruntukan tahunan, umum KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NORAZIS**

**BAGAN JERMAL –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini mengumumkan kenaikan peruntukan tahunan Lembaga Wakaf Hindu (*Hindu Endowment Board* – HEB) daripada RM1.1 juta kepada RM1.5 juta mulai tahun 2018.

Beliau berkata demikian pada Sambutan Hari Ponggal yang diadakan di Kuil Arulmigu Devi Sree Veerapathra Maha Kaliamman dekat sini.

Menurut Guan Eng, kenaikan peruntukan tahunan tersebut adalah bagi membolehkan HEB untuk menguruskan hal ehwal pentadbirannya termasuk menguruskan bangunan pejabat di Jalan Macalister yang diberikan oleh Kerajaan Negeri.

"Peningkatan dana tersebut juga akan membolehkan pihak HEB menguruskan pemberian biasiswa kepada pelajar cemerlang yang layak.

"(Dan) ia (kenaikan peruntukan) hanya boleh dilaksanakan melalui tadbir urus CAT iaitu Cekap, Akauntabiliti dan Telus.

"Tadbir urus CAT telah membolehkan Kerajaan Negeri mencatatkan lebihan belanjawan sejak 2008 selain kenaikan rizab tunai 100 peratus serta mengurangkan hutang negeri sehingga 90 peratus," ucapnya pada majlis berkaitan baru-baru ini.



UPACARA memasak nasi ponggal pada sambutan peringkat negeri di sini baru-baru ini.



RUPA bentuk kuil Arumigu Devi Sree Veerapathra Maha Kaliamman.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Pengerusi HEB; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam merangkap Timbalan Pengerusi HEB, A. Tanasekharan serta Ahli-ahli Lembaga Eksekutif HEB.

Dalam majlis sama, Guan Eng turut menzahirkan ucapan tahniah kepada HEB dan Lembaga Kuil Arulmigu Devi Sree Veerapathra Maha Kaliamman kerana berjaya menganjurkan Sambutan Hari Ponggal Peringkat Negeri di kuil baharu tersebut.

"Semua rakyat di Pulau Pinang boleh lihat perbezaan dalam tempoh 10 tahun ini termasuklah pembinaan kuil baharu ini (Kuil Arulmigu Devi Sree Veerapathra Maha Kaliamman)

"(Dan) kita (Kerajaan Negeri) akan berusaha lagi demi kemakmuran dan kesejahteraan semua...tahniah dan syabas." ujarnya yang turut serta bersama-sama masyarakat India meraikan Hari Ponggal 21 Januari lalu.

# Kompleks Penjaja Taman Tasek Mutiara siap dibina

**SUNGAI BAKAP -** Kompleks Penjaja Taman Tasek Mutiara bernilai RM4.1 juta yang siap dibina diharap akan mendapat sambutan daripada para penjaja serta pengunjung setempat.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berharap di kompleks ini pun turut boleh melaksanakan amalan hijau seperti Dasar Pengasingan Sisa Di Punca, kitar semula serta pemasangan perangkap minyak dan sisa.



RUPA bentuk Kompleks Penjaja Taman Tasek Mutiara kini.

"Saya berharap bermula pada hari pertama kemudahan (kompleks penjaja) ini digunakan, ia diselenggara dan dijaga dengan baik supaya masalah berhubung dengan kerosakan pada kemudahan awam serta peralatan-peralatan di kompleks ini tidak berlaku," jelasnya pada Majlis Perasmian Pembukaan Kompleks Penjaja Taman Tasek Mutiara di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Dato' Maktar Shapee yang juga Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang; ADUN Jawi, Soon Lip Chee dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu, projek tersebut menjadi satu lagi simbol bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang kini melaksanakan pembangunan seimbang, dengan lebih memberi peruntukan untuk pembangunan di bahagian Seberang Perai berbanding (bahagian) pulau.



MAKTAR Shapee (barisan depan, dua dari kiri) menyampaikan sumbangan cenderamata kepada salah seorang peniaga bersempena Majlis Perasmian Pembukaan Kompleks Penjaja Taman Tasek Mutiara di sini baru-baru ini.

"70 peratus peruntukan adalah untuk pembangunan di bahagian Seberang Perai, dan 30 peratus sahaja di bahagian pulau kerana Kerajaan Negeri mahu pembangunan yang lebih seimbang.

"Salah satu tumpuan pembangunan yang diutamakan oleh Kerajaan Negeri adalah di Seberang Perai Selatan," jelasnya.

# 50 projek cegah banjir berskala kecil mula dilaksanakan tahun ini – Exco

**PERAI –** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang bagi tahun 2018 memperuntukkan sejumlah RM200 juta untuk pelaksanaan kira-kira 50 projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) berskala kecil di kelima-lima daerah di negeri ini.

Mengulas lanjut, Exco Kerajaan Tempatan Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, pihaknya berharap risiko banjir dapat dikurangkan selepas semua projek tersebut siap kelak.

"Oleh itu, saya telah mengarahkan Jawatankuasa MMK Tebatan Banjir untuk memberi tumpuan memastikan semua projek dirancang, yang sudah dipanggil tender, (yang) akan dibuat keputusan, pastikan projek-projek ini dapat dilaksanakan seperti mana matlamat ditetapkan.

"Maksudnya, pada tahun (2018) ini, banyak fokus pada pelancaran projek-projek...bukan bermaksud semuanya akan siap pada tahun ini, tetapi projek-projek ini akan mula dilaksanakan pada tahun ini," jelasnya ketika mengadakan lawatan tapak dekat Taman Chai Leng di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan lain, menurut Kon Yeow, pihaknya turut memperuntukkan RM6 juta untuk pelaksanaan projek penarafan sistem perparitan serta pemasangan pam air bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan Zon Perindustrian Perai kelak.

Sebelum itu, Kon Yeow bersama-sama beberapa Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Pemangku Pengarah Kejuruteraan MPSP, Baderul Amin Abdul Hamid dan Jurutera Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) bagi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Mohd. Nasyarul Ahmad Rizan turut turun meninjau projek penarafan sistem perparitan Taman Chai Leng bernilai RM1.9 juta, yang baru siap dimajukan.



CHOW Kon Yeow (empat dari kanan) ketika mengadakan lawatan tapak dekat Taman Chai Leng di sini baru-baru ini.

## Penyelenggaraan demi suasana selesa penyewa

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**DATUK KERAMAT –** Sejumlah RM14 juta dibelanjakan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sejak 2008 bagi menyelenggara sembilan skim perumahan atau 1,340 unit rumah milikan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Ini adalah bagi memastikan penyewa-penyewa berkaitan dapat menikmati suasana persekitaran selesa walaupun membayar sewaan serendah RM97 sebulan.

Menurut Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, bagi rumah milikan MBPP di Taman Free School sahaja, MBPP membelanjakan RM2.75 juta sejak 2014 termasuk menaik taraf dan pengecatan semula Blok L, M dan N.

"Selain itu, MBPP turut menambah pintu lif, penggantian pam motor lif, pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) dan menaik taraf tandas di perumahan tersebut.

"(Dan) kali ini saya nak umumkan kerja-kerja pengecatan semula blok-blok L, M dan N bernilai RM535,000 yang telahpun dimulakan pada pertengahan Disember 2017 dan dijangka siap pada pertengahan Jun nanti.

"Suka untuk saya maklumkan, pada tahun ini, kerja-kerja penggantian wayar elektrik akan dijalankan dengan belanja RM900,000 dan dijangka siap tahun ini juga," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Jagdeep dalam lawatan ke Taman Free School turut memaklumkan bahawa selain MBPP, Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan RM30.6 juta bagi menyelenggara 15,490 unit membabitkan 50 skim sejak tahun 2010.




JAGDEEP Singh Deo menunjukkan skim warna yang bakal digunakan untuk mengecat Blok L, M dan N Taman Free School atas undian penduduk di sini.

## Suntikan dana demi pembangunan sukan bola sepak negeri



MOHD. Rashid Hasnon (tengah) dan Prof. Dr. P. Ramasamy bergambar kenangan dengan wakil-wakil LABPP serta barisan pemain cilik pada majlis penyampaian sumbangan khas di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN -** Liga Akademi Bola Sepak Pulau Pinang (LABPP) yang bakal bermula dalam masa terdekat menerima suntikan dana berjumlah RM10,000 daripada Kerajaan Negeri baru-baru ini.

Dana tersebut masing-masingnya disumbangkan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd Rashid Hasnon dan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy di sini.

Mohd. Rashid ketika berucap memberitahu, Kerajaan Negeri yang amat menitikberatkan pembangunan sukan dan senantiasa memberi sokongan kepada LABPP dalam membangunkan bakat-bakat cilik sebagai tonggak masa depan sukan nombor satu negara kini.

"Jika kita lihat biodata dan profil-profil pemain ternama dunia hari ini, mereka juga mengembangkan bakat seawal usia enam tahun, antaranya ialah Lionel Messi.

"Usia seperti ini kita kenali sebagai akar umbi atau *grass root*, yang mana bakat-bakat ini mudah untuk dibentuk dan memahami sukan bola sepak lebih daripada sekadar memenangi perlawanan semata-mata," ucapnya pada Majlis Pelancaran LABPP 2018 di sini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), David Marshal dan M. Satees serta Pengerusi LABPP, Yusri Abd. Hamid.

Dalam pada itu, Ramasamy menambah, Pulau Pinang perlu konsisten dan bersungguh-sungguh dalam membangunkan bakat-bakat tempatan sebagai ke arah mewujudkan skuad senior yang kuat pada masa hadapan.

Sempena pelancaran tersebut, Satees dan David masing-masing turut bersetuju menyumbang sebanyak RM2,500, manakala Persatuan Bola Sepak India Pulau Pinang (RM1,000) menjadikan dana keseluruhan diterima LABPP adalah berjumlah RM16,000.

Difahamkan, kejohanan yang akan berlangsung sehingga Ogos ini bakal mencungkil lebih 1,000 bakat cilik berusia enam hingga 12 tahun dari seluruh pelosok negeri Pulau Pinang sebagai modal pembangunan pemain pada masa depan.

# Rejuvenasi bawa nilai tambah bandar Warisan Dunia George Town

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN -** Inisiatif merejuvenasikan semula kawasan bandar raya George Town dengan menerapkan pelaksanaan strategi melalui pendekatan hubungan awam - swasta (3P) tidak hanya tergalas pada bahu pihak berkuasa tempatan (PBT), sebaliknya juga komuniti di sekitarnya.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata demikian dengan mengambil contoh bandar-bandar lain seluruh dunia yang telah berjaya 'meremajakan' semula kawasan kurang menarik kepada penuh warna-warni.

"Projek George Town BIDS atau *Business Improvement District Scheme* merupakan usahasama pelbagai pihak termasuk Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi 'meremajakan' semula sesebuah kawasan.

"Misalnya di kawasan Kompleks Tun Abdul Razak atau Komtar yang merupakan simbol keunikan Pulau Pinang 'diremajakan' semula seperti kegemilangannya sekitar tahun 1990-an...mentransformasikannya sebagai destinasi membeli-belah baharu dan membawa nilai tambah terhadap bandar Warisan Dunia UNESCO George Town.

"Bagi projek di Jalan Magazine ini, lorong belakang sepanjang 135 meter dengan keluasan 870 meter persegi dibangunkan semula menggunakan blok-blok bata dan kayu yang dikitar semula sekaligus 'menolak' persepsi negatif tentang lorong belakang," ujarnya sejurus perasmian Kerdipan Bintang @ Lilitan Magazine, Jalan Magazine di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim; Datuk Bandar MBPP, Ar. Yew Tung Seang serta barisan Ahli Majlis MBPP.

Pengarah Urusan M Summit Group, Datuk Albert Moh juga hadir memeriahkan perasmian tersebut.

Mengulas mengenai Projek George Town BIDS, Kon Yeow memberitahu bahawa ia merangkumi kawasan seluas 85.23 ekar sehingga ke Jalan Datuk Keramat, Jalan Penang, Jalan Magazine dan Jalan Dr. Lim Chwee Leong.

"Menerusi projek ini, beberapa pembaharuan dilaksanakan antaranya pembinaan laluan pejalan kaki baru di sini (Jalan Magazine) dan Jalan Penang oleh MBPP, menaik taraf jejantas 'sotong' (di bawah program tanggungjawab sosial korporat) serta cadangan pelan konsep pemajuan '*green connectors*' dari Komtar Fasa 5 ke Komtar Walk oleh PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang).

"Banyak lagi perancangan yang perlu diambil kira, dan George Town sebagai bandar pertama di Asia yang menerajui Projek BIDS ini, kita akan teruskan serta menjadikan Pulau Pinang sebagai peneraju pembangunan bandar terulung dalam negara dan rantau ini," katanya yang turut tidak melepaskan peluang mencuba pelbagai juadah ringan yang disajikan penjaja tempatan di sini.

Dikenali sebagai Kerdipan Bintang @ Lilitan Magazine, kawasan tersebut amat sesuai bagi mereka yang ingin merakamkan kenangan terindah dengan kerdipan lampu kecil LED 'terhampar' luas bak bintang di langit. Jom!



CHOW Kon Yeow (tengah), Ar. Yew Tung Seang (empat dari kiri), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil penaja bergambar kenangan pada Majlis Perasmian Kerdipan Bintang @ Lilitan Magazine di sini baru-baru ini.



LORONG belakang yang telah direjuvenasikan.



KERDIPAN lampu kecil LED 'terhampar' luas bak bintang di langit.




# Pulau Pinang mampu muncul sebagai hab pendidikan cemerlang serantau - Malik

**Sejarah pendidikan awal di Pulau Pinang**

**LAZIMNYA,** sejarah pendidikan formal dalam kelompok masyarakat hanya akan bermula apabila sesebuah institusi rasmi pendidikan ditubuhkan, namun dalam konteks Islam ia telahpun lama bertapak apabila terdapatnya surau atau masjid didirikan.

Meskipun pendidikan awal lebih bersifat keagamaan, sistem pendidikan di surau dan masjid hakikatnya telah menyumbang ke arah pembangunan pendidikan awal Islam negara ini.

Kedudukan Pulau Pinang yang strategik bukan sahaja terkenal sebagai pusat perdagangan penting, malah juga membuka laluan kepada perkembangan aspek lain di negeri ini khususnya dalam hal-hal pendidikan.

Nama-nama ilmuwan agama seperti Haji Mohammad Salleh, Syed Sheikh Al-Hadi, Sheikh Haji Abdullah Fahim, Haji Salleh Masri, Sheikh Uthman Jalaluddin dan Haji Thalib @ Muthalib Puteh sering menjadi rujukan serta memberi signifikan terhadap perkembangan pendidikan agama Islam di negeri ini.

**Pernah mendapat jolokan '*Silicon Valley of the East*'**

Hari berganti hari, tahun berganti tahun, pembangunan pendidikan sama ada formal mahupun agama bertapak kukuh di Pulau Pinang sehinggalah Tun Dr. Lim Chong Eu dilantik menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang kedua pada Mei 1969, pembangunan pendidikan turut berkembang sejajar dengan pembangunan negeri sehingga mendapat jolokan '*Silicon Valley of the East*' ketika itu.

Namun, selesa dengan kemajuan yang dicapai oleh negeri ini sehingga satu tahap dikatakan Pulau Pinang berada dalam '*sleeping mode*'...tahun 2008 menyaksikan peralihan tampuk pentadbiran. Pakatan Rakyat Pulau Pinang (ketika itu) di bawah pimpinan Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, tidak menunggu lama untuk 'mengejutkan semula' Pulau Pinang.

Menurut Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, sejak Pakatan Rakyat mengambil alih, pimpinan negeri dapat melihat potensi untuk mengembalikan sinar Pulau Mutiara.

Dan sejak memegang portfolio Exco Hal Ehwal Agama pada 2009, Abdul Malik merasakan bahawa Pulau Pinang perlu mencontohi Andalusia (sekarang Sepanyol) yang merupakan Pusat Peradaban Islam terkemuka dan sangat penting di dunia suatu ketika dahulu.

"Tambahan pula, sejak sebelum kemerdekaan, sekolah-sekolah vernakular wujud seperti *Penang Free School*, *Han Chiang High School* termasuk perkembangan sekolah-sekolah pondok dan madrasah menjadikan Pulau Pinang sebagai hab pendidikan.

"(Dan) dengan berinspirasikan kegemilangan Andalusia serta kegigihan Mufti Perlis, Dr. MAZA (Mohd. Asri Zainul Abidin) yang merupakan anak kelahiran Pulau Pinang dalam memartabatkan pendidikan Islam termasuk Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri telah membuatkan saya untuk meneruskan perjuangan tersebut.

"Apatah lagi, Ketua Menteri Pulau Pinang kini, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang tidak jemu-jemu menyokong perkembangan pendidikan Islam di negeri ini, kerana sekiranya tiada sokongan daripada pemimpin, maka segalanya hanyalah mimpi semata-mata," ujarnya ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara **AINUL WARDAH SOHILLI** dan Jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** di pejabatnya baru-baru ini.

**Kerajaan Negeri terap cara pemerintahan Khalifah Umar Abdul Aziz**

Menerapkan tatacara pemerintahan Khalifah Umar Abdul Aziz iaitu pemerintahan bersih, berorientasikan rakyat serta berpandangan jauh demi kemajuan ummah menjadi kunci pemartabatan syiar Islam di Pulau Pinang.

"Jadi bermula pada tahun 2008, Ketua Menteri mencetuskan idea untuk memberi bantuan dan insentif sokongan kepada sekolah-sekolah agama, bermula dengan hanya RM900,000 kemudian ditambah menjadi RM1.5 juta pada tahun 2009 dan menjadi RM1.75 juta pada tahun 2010.

"Melalui peruntukan inilah terbinanya makmal sains pertama Sekolah Agama Rakyat (SAR) seumpamanya di Pulau Pinang iaitu di Madrasah Al-Aminiah di Jalan Permatang Nibong, Permatang Pauh pada 2009.

"Selain itu, melalui peruntukan ini juga disalurkan kepada Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Maahad Tahfiz, SAR, Tadika Islam (TADIS) dan sekolah pondok seluruh negeri.

"(Dan) pada tahun 2017, sebanyak RM1,763,698 ini juga disalurkan sebagai pemberian ex-gratia, bonus dan bantuan khas kepada guru-guru KAFA (Kelas Asas Fardhu 'Ain), guru SAR, guru sekolah pondok dan TADIS yang langsung tidak diberikan semasa kerajaan terdahulu.

"Manakala, bagi pembangunan dan penyelenggaraan sekolah-sekolah pula telah diperuntukkan sebanyak RM2.15 juta pada tahun 2017 dan RM2.8 juta bagi tahun ini (2018) di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP).

"Kita (Kerajaan Negeri) juga memanfaatkan sumber daripada Zakat Pulau Pinang (ZPP)...sebagai contoh 2017, kita membelanjakan RM29.4 juta untuk pendidikan termasuk pemberian biasiswa, bantuan tajaan dan bantuan permulaan lanjut pelajaran... tahun sebelumnya (2016) lebih kurang RM30.2 juta," katanya.



ABDUL Malik Abul Kassim.

**Usaha melahirkan generasi tahfiz seimbang**

Atas inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2008, seramai 103 hafiz dan hafizah (penghafaz al-Quran) menerima insentif RM300 seorang dan sejak itu, bilangan hafiz terus bertambah saban tahun sejajar dengan sasaran Kerajaan Negeri untuk melahirkan 'Satu Keluarga, Satu Hafiz'.

Tahun lalu, seramai 600 hafiz menerima sumbangan tahunan ini bagi menghargai kesungguhan dan jasa mereka memelihara kitab suci al-Quran dalam Majlis Ijtimak Al-Huffaz kali ke-10.

"Malah, pusat pengajian tahfiz di Pulau Pinang juga bercambah bagai cendawan selepas hujan dek permintaan yang tinggi daripada umum.

"Sehingga 2017, sebanyak 51 pusat pengajian tahfiz berdaftar dan kira-kira 20 yang lain berdaftar sementara ada di sini (Pulau Pinang), ini secara tidak langsung mendorong Kerajaan Negeri untuk memperhalusi kewujudan pusat pengajian tahfiz di negeri ini.

"Selain bermatlamat melahirkan golongan hafiz yang mahir dalam pembacaan dan pengajian ilmu al-Quran, Kerajaan Negeri juga mahu melahirkan generasi huffaz yang profesional yang celik sains seperti cendikiawan Muslim dahulu.

"(Dan) inilah komitmen Kerajaan Negeri ke arah melahirkan lebih ramai huffaz yang berkemahiran dan profesional," jelasnya.

**Pulau Pinang mahu KITAB dinaik taraf jadi universiti**

Abdul Malik dalam pada itu juga mahu memajukan Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang atau KITAB sebagai sebuah universiti.

"Buat masa ini, kita (Kerajaan Negeri) akan tekadkan iltizam untuk melihat KITAB ini menjadi sebuah kolej universiti seterusnya dinaik taraf menjadi universiti untuk melihat tradisi keilmuan Islam dimartabatkan di negeri ini meskipun kita pernah cuba mencadangkannya pada Rancangan Malaysia Ke-10 dan Ke-11, namun tidak berjaya.

"(Dan) masih berusaha pelbagai cara antaranya mempertimbangkan untuk menjalinkan kerjasama PPP iaitu '*public-private partnership*' untuk mengadakan kampus tetap bagi KITAB pada masa hadapan," katanya.

Beliau juga sangat bersyukur apabila menjadi sebahagian daripada jawatankuasa Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) yang membolehkan pelbagai isu-isu pendidikan agama Islam dibincangkan dan diselaraskan.

"Baru-baru ini Pulau Pinang telah menjadi tuan rumah bagi Persidangan LEPAI Kali Ke-49 yang dipengerusikan oleh Tan Sri Prof. Dr. Mohd. Yusof Noor, dan ini penting kerana ia merupakan platform utuh untuk membincangkan beberapa perkara termasuk dasar berkaitan pengurusan pendidikan agama Islam dan hala tujunya di Malaysia.

"Selain itu, usaha untuk meluaskan jaringan strategik bersama-sama Universiti Islam Malaysia (UIM) turut dilakukan bagi memperkasakan bidang pendidikan tinggi berlandaskan pengajian Islam.

"Semua inisiatif ini dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang dan akan diteruskan pada masa hadapan demi kelangsungan pendidikan agama Islam di negeri ini," ujar beliau.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbktTengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@yahoo.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>- | - |
| **BERTAM**<br>- | - |
| **PINANG TUNGGAL**<br>- | - |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>- | - |
| **SUNGAI DUA**<br>- | - |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>- | - |
| **SUNGAI ACHEH**<br>- | - |
| **BAYAN LEPAS**<br>- | - |
| **PULAU BETONG**<br>- | - |
| **TELUK BAHANG**<br>- | - |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN)<br>( BUTTERWORTH) | 04-210 2363<br>04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | - | - |
| N2 | Bertam | - | - |
| N3 | Pinang Tunggal | - | - |
| N4 | Permatang Berangan | - | - |
| N5 | Sungai Dua | - | - |
| N6 | Telok Air Tawar | - | - |
| N7 | Sungai Puyu | 012 - 480 5495 | Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | 013 - 449 0366 | Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | 016 - 473 1963 | Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | 04 - 390 5109 | Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | 010 - 406 2128<br>013 - 595 6865 | Nurafiqah<br>Rosli |
| N12 | Penanti | 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | Tira |
| N13 | Berapit | 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | Mr.Lim<br>Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | Andrew Chin<br>Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | Chan<br>Lai |
| N16 | Perai | 04 - 383 9131 | Sri Sangar |
| N17 | Bukit Tengah | 013 - 518 8735 | Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | G.Dumany<br>Khor |
| N19 | Jawi | 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | Abdul Halim<br>Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | Norjuliana<br>Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | - | - |
| N22 | Tanjong Bungah | 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | Tina<br>Hezreen |
| N23 | Air Putih | 04 - 829 0614 | Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | 012 - 493 3342 | Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | 017 - 956 3237 | Quah |
| N26 | Padang Kota | 012 - 431 7015 | Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | 012 - 401 1522 | Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | 010 - 811 7300 | Razin |
| N29 | Datok Keramat | 04 - 226 2464 | Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | 04 - 282 6630 | Nayim |
| N31 | Batu Lancang | 04 - 282 6419 | Karuna |
| N32 | Seri Delima | 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | Anne<br>Janet |
| N34 | Paya Terubong | 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | Toon Hoon Lee<br>Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | Jalal<br>Khairul<br>Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | 04 - 646 4700 | Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | Amirulzaman<br>Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | - | - |
| N39 | Pulau Betong | - | - |
| N40 | Telok Bahang | - | - |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2018

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Kumar a/l Kanapathy | 012 - 548 2465<br>019 - 658 2465 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Thomas Loh Wei Pheng | 04-390 6836<br>012 - 409 6836 |
| Woo Sze Zeng (Joshua) | 016 - 557 6672 |
| Zulkifli Ibrahim | 012 - 477 5588 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Ong Jing Cheng | 016 - 445 5709<br>012 - 758 3779 |
| Anuar Yusoff | 04 - 507 5390<br>016 - 4616 390 |
| Dr Amar Pritpal Abdullah | 04 - 582 2020<br>019 - 452 2020 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 04 - 593 5493<br>012 - 507 2229 |
| Fadzil Hj Abdullah | 017 - 343 4464 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 505 7288<br>013 - 430 2096 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Hamizah Abdul Manab | 013 - 591 6344 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam | 019 - 457 2271 |
| 5. | A.Veerasamy | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 012 - 451 5938 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2018

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Ahmad Razaaim bin Azimi | 012 - 572 4711<br>016 - 451 9225 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gan Ay Ling | 012 - 401 2265 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Teoh Koon Gee | 016 - 419 1938 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Kala a/p Durai Raj | 016 - 468 4247 |
| Khoo Salma Nasution | 017 - 456 6012 |
| Kumaresan a/l Arumugam | 014 - 945 9621 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Saiful Azwan Abd Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019 - 225 6502 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Februari 2018




16hb Februari 2018
***Rumah Terbuka Tahun Baru Cina***
***YAB Ketua Menteri Pulau Pinang***


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB,
NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI,
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING, ALISSALA THIAN,
AHMAD ADIL MUHAMAD, DARWINA MOHD. DAUD,
ALVIE CHENG, NOOR SITI NABILAH NOORAZIS

**Jurugrafik:** IDZHAM AHMAD, NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

# Pusat Tuisyen Komuniti PYDC dan PEKA bentuk pelajar cemerlang akademik, sahsiah diri

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**TENG KOK LIANG**, Dr. Lim Gin Keat dan Adam Adli Abdul Halim mungkin asing bagi kebanyakan kita, namun mereka adalah tunjang ke arah membantu komuniti khususnya pelajar-pelajar sekolah rendah dalam pembangunan pendidikan secara berterusan.

Seiring dengan hasrat mereka itu, menerusi Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang atau *Penang Youth Development Corporation* (PYDC) dan Penggerak Komuniti Muda (PEKA), maka tertubuhlah Pusat Tuisyen Komuniti.



TENG Kok Liang.

Menurut Kok Liang yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif PYDC, inisiatif menubuhkan Pusat Tuisyen Komuniti bukan usaha bersendirian, sebaliknya idea tersebut tercetus kerana ingin membantu penduduk setempat terutamanya keluarga yang berpendapatan isi rumah rendah.

Pusat Tuisyen Komuniti adalah agenda membantu meningkatkan kecemerlangan bukan sahaja dalam akademik, malah jati diri pelajar. Maka, pada 2015, pusat tuisyen pertama diwujudkan di Taman Tun Sardon.

"Konsep asalnya diilhamkan oleh Dr. Lim (Gin Keat) yang pada ketika itu aktif (dan masih aktif) dalam pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Mulanya, Pusat Tuisyen Komuniti ini hanya untuk membantu pelajar-pelajar sekolah rendah mengulang kaji pelajaran serta menyiapkan kerja sekolah dalam kumpulan yang kecil.

"Bersama-sama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) ketika itu dan PEKA, usaha ini digemblengkan dalam kumpulan yang kecil iaitu dengan nisbah 1:6 atau 1 tutor atau guru kepada enam pelajar," cerita Kok Liang ketika ditemui Buletin Mutiara (BM) baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, setelah projek perintis pusat tuisyen terbabit berjaya di Taman Tun Sardon, sambutan yang diterima adalah sangat memberangsangkan.

"Komuniti setempat menyokong inisiatif ini sehinggakan satu tahap, PYDC terpaksa menghentikan pengambilan pelajar kerana sasaran asal adalah 40 pelajar, tetapi penyertaan mencecah 60 pelajar, maka kami terpaksa menghentikan pengambilan pelajar.

"Walaupun cuma seminggu sehari sahaja iaitu pada hari Selasa sekitar pukul 8 malam sehingga 9:30 malam, kewujudan Pusat Tuisyen Komuniti ini diterima baik, dan sejak itu beberapa kawasan lain turut diadakan pusat tuisyen serupa seumpamanya.

"Di Padang Tembak, di Tanjung Bungah, di Bayan Baru dan di Batu Lanchang... kita wujudkan pusat tuisyen ini dan bantu mereka (pelajar) menyiapkan kerja sekolah. Pada saat itu, terdetik bahawa kami dapati kami boleh berikan lebih banyak lagi.

"(Dan) tahun lalu, kami mula dengan pendekatan baru iaitu memberikan mereka kerja tambahan bagi subjek kritikal iaitu sains dan matematik sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai hab pendidikan unggul," jelasnya.

Bagi **ADAM ADLI** pula, selaku Ketua Penyelaras PEKA, beliau mengambil modul pembelajaran yang diguna pakai oleh PYDC dan menambah lagi bilangan Pusat Tuisyen Komuniti ini.

"Matlamatnya bukan sahaja membantu pelajar-pelajar ini dari segi akademik sains dan matematik, tetapi juga mendidik mereka untuk bersosial secara sihat sambil mendapatkan ilmu.

"Buat masa ini, walaupun hanya menyediakan khidmat tutor atau mengajar bagi subjek sains dan matematik, PEKA juga bercadang untuk memperkenalkan subjek Bahasa Inggeris, walau bagaimanapun kita akan lihat ketersediaan tenaga pengajar.

"Bagi saya, kecemerlangan yang diperoleh mereka (pelajar) ini seawal sekolah rendah akan memberikan satu bentuk motivasi untuk mereka bersaing di peringkat yang lebih tinggi.



ADAM Adli.

"(Dan) atas dasar itu jugalah, kami bercadang untuk mengadakan kelas bersama-sama pelajar sekolah menengah yang bakal menduduki peperiksaan kerana sebelum ini pernah kami adakan Bengkel Menjawab Peperiksaan dan sambutan yang diterima adalah sangat baik," katanya yang turut memberi jaminan bahawa tenaga pengajar serta modul pembelajaran yang digunakan di Pusat Tuisyen Komuniti bawah seliaan PYDC dan PEKA berkaitan adalah mengikut standard terkini.

Difahamkan, buat masa ini di bawah seliaan PEKA, terdapat tiga Pusat Tuisyen Komuniti iaitu di Mutiara Idaman, Sungai Pinang; Taman Manggis, Teluk Bahang dan di Desa Wawasan, Bukit Mertajam.

Meskipun tiada yuran dikenakan terhadap pelajar-pelajar yang hadir ke Pusat Tuisyen Komuniti berkenaan, PYDC dan PEKA berjaya mengekalkan kehadiran pelajar melebihi 75 peratus sepanjang tahun.



BERGAMBAR kenangan selepas tamat sesi pembelajaran.



DR. Lim Gin Keat.

Dalam pada itu, **GIN KEAT** yang merupakan Penasihat Pelajar bagi Majlis Kebajikan Pelajar (SWC) MBPP, berpendapat bahawa pembangunan pendidikan berterusan adalah perlu kerana generasi muda khususnya pelajar-pelajar sama ada di sekolah rendah, menengah mahupun di institusi pengajian tinggi (IPT) adalah pemangkin kepada pembangunan sosial dan ekonomi negeri.

"Demi kelangsungan pembangunan sosial dan ekonomi Pulau Pinang pada masa hadapan, usaha untuk menyuntik semangat agar kekal cemerlang dalam bidang akademik dan sahsiah diri perlu diwujudkan.

"(Dan) usaha PYDC serta PEKA ini akan memberi peluang kepada pelajar yang tidak mempunyai akses untuk hadir ke kelas tambahan atau kelas tuisyen berbayar bagi bersama-sama cemerlang bukan sahaja dalam akademik malah juga sahsiah diri.

"Seperti yang diperkatakan tadi, tenaga pengajar di pusat-pusat tuisyen komuniti ini adalah dalam kalangan pelajar universiti yang dikenal pasti mampu menggalas tugas mengajar dengan teknik pembelajaran menarik selain mempunyai komitmen tinggi.

"Kami bukanlah mahu bersaing dengan pusat-pusat tuisyen berbayar lain, tetapi kami menyediakan alternatif kepada pelajar-pelajar ini untuk terus berjaya, lagipun ia terbuka kepada murid sekolah rendah Darjah 4 hingga Darjah 6," ulas beliau.



TENAGA pengajar komited memberi tunjuk ajar kepada kanak-kanak yang mengikuti pembelajaran di Pusat Tuisyen Komuniti.

# Sumbangan dana Kerajaan Negeri bantu bangun empat blok bangunan empat tingkat Al-Itqan

Teks & Gambar : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BAYAN LEPAS** – Sekolah aliran agama rakyat (SAR) milik persendirian di Pulau Pinang kini tidak lagi ketinggalan dalam pelbagai aspek, berbanding institusi atau sekolah-sekolah agama di negeri lain.

Perkara tersebut dinyatakan **Pengarah Eksekutif Pusat Pendidikan Al-Itqan, MOHD. YUSOF OMAR** ketika menerima kunjungan wakil Buletin Mutiara (BM) di Teluk Kumbar baru-baru ini.

Mohd. Yusof memberitahu, secara umumnya, sejak tahun 2008, kebanyakan daripada SAR di Pulau Pinang saban tahun dapat merasai peruntukan besar daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mana ia tidak pernah dinikmati daripada kerajaan terdahulu.

**"Menurut rekod, sebelum tahun 2008, sekolah-sekolah agama macam ni memang tidak menerima bantuan langsung.**

**"Memandangkan kami berorientasikan swasta, maka segala hal kewangan seperti gaji kakitangan dan operasi sekolah sememangnya bergantung sepenuhnya daripada yuran pelajar yang turut ditampung oleh duit sumbangan zakat, orang ramai dan program mewakafkan tanah.**

**"Tapi, semenjak tahun 2008, sumbangan daripada pihak Kerajaan Negeri sedikit sebanyak memang membantu, tambahan pula guru-guru agama pun turut menerima 'bonus',"** ujarnya.

Pusat Pendidikan Al-Itqan merangkumi Sekolah Rendah Al-Itqan, Sekolah Menengah Al-Itqan, Maahad Tahfiz Al-Itqan dan Tadika Islam Al-Itqan kini beroperasi sepenuhnya di Kampung Masjid, Teluk Kumbar dengan kira-kira 400 pelajar dan 60 kakitangan keseluruhannya.

Menyedari perkembangan tersebut, Mohd. Yusof melahirkan rasa syukur apabila Kerajaan Negeri pada tahun 2016 mengumumkan sumbangan dana berjumlah RM15 juta bagi membangunkan empat blok bangunan empat tingkat di atas tanah berkeluasan tiga ekar di Teluk Kumbar.

"Apabila siap nanti, ia mampu menampung sehingga 1,000 pelajar dan bakal menjadi sekolah agama terbesar dan terulung di Pulau Pinang dari segi bangunan dan strukturnya yang lengkap," katanya.

Sehubungan itu, Mohd. Yusof berharap pembangunan tersebut akan menjadikan Pusat Pendidikan Al-Itqan mampu memasyarakatkan sekolah dengan pengisian pelbagai program dan kelas-kelas bermanfaat.

"Kita mempunyai perancangan untuk memasyarakatkan sekolah ini kelak daripada dibiarkan sunyi selepas tamat waktu persekolahan.

"Berasaskan konsep Islam Rahmatun Lil Alamin seperti yang dilaungkan pihak Kerajaan Negeri, Al-Itqan diharap akan menjadi platform buat masyarakat setempat dan pelbagai kaum untuk sama-sama dapat berkumpul dan menikmati pelbagai kelas serta aktiviti di sini kelak," jelas beliau.



MOHD. Yusof Omar.



TAPAK Sekolah Menengah Agama Al-Itqan yang bakal dinaik taraf kepada empat bangunan bagi menempatkan pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di dalam satu kawasan seluas tiga ekar.




SEKOLAH Rendah Agama Al-Itqan, Teluk Kumbar kini.

---

## Sekolah aliran agama Pulau Pinang berkembang pesat setanding aliran biasa - Muhammad Fadzil

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEJAK** tahun 1916, Pulau Pinang merupakan antara negeri terawal yang menjadi pelopor kepada sistem pendidikan sekolah agama rakyat (SAR) di Malaysia dengan penubuhan Sekolah Agama Maahad Mashoor Al-Islami dekat Lebuh Teik Soon sebelum dipindahkan ke Sungai Batu dan Balik Pulau kini.

Mudir (Pengetua) Madrasah Uthmaniah, Sungai Gelugor, Ustaz Mohammad Fadzil Alias berkata, kemajuan pendidikan agama Islam di sekolah-sekolah aliran agama rakyat kini bukan sahaja mengalami anjakan seiring dengan perkembangan terkini, malah turut mencapai standard pengajian ditetapkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Sekolah-sekolah SAR ini bukan lagi terkebelakang iaitu hanya untuk pembelajaran ilmu agama semata-mata, tetapi lebih daripada itu... ini dibuktikan apabila Pulau Pinang baru-baru ini muncul sebagai negeri nombor satu di Malaysia yang memperoleh peratusan tertinggi semua A dalam mata pelajaran bagi subjek Kelas Asas Fardhu Ain (KAFA).

"Seperti di sini, Madrasaf Uthmaniah kami turut menjalinkan hubungan akrab dengan sekolah-sekolah agama di luar negara seperti *Hamka International School* di Maninjau, Padang, Indonesia dan Madrasah Al-Irsyad Al-Islamiah, Singapura.



MOHAMMAD Fadzil Alias.

"Kita turut menerima kemasukan pelajar-pelajar antarabangsa dari negara Thailand, Indonesia dan negara-negara Arab," ujarnya ketika diminta mengulas berhubung perkembangan pendidikan agama Islam di Pulau Pinang kini.

Mengambil contoh Madrasah Uthmaniah, Mohammad Fadzil Alias yang juga aktif dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam dan luar negara memberitahu bahawa **sistem pendidikan agama di Pulau Pinang umumnya kini mencapai satu anjakan paradigma seiring dengan kemajuan teknologi semasa**.

"Melihat kepada perkembangan SAR kini, mungkin Kerajaan Negeri boleh mewujudkan sekolah agamanya sendiri seperti kini yang wujud di negeri-negeri lain.

"Melalui pendekatan tersebut, kecemerlangan dalam bidang agama yang digabungkan bersama-sama pembelajaran konvensional mampu melahirkan modal insan dinamik dan berguna kepada agama, bangsa serta negara khususnya," katanya yang pernah dinobatkan sebagai Tokoh Maulidur Rasul (Kemasyarakatan) Peringkat Negeri Pulau Pinang tahun lalu.

Ditanya berhubung sikap ambil peduli Kerajaan Negeri terhadap pembangunan SAR di Pulau Pinang sejak mengambil alih pentadbiran negeri, Mohammad Fadzil Alias dalam responsnya berkata, **geran tahunan sebayak RM1.75 juta yang diperuntukkan (Kerajaan Negeri) secara agihan kepada semua SAR di Pulau Pinang sememangnya banyak membantu.**

**"Selain Kerajaan Negeri, Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Kerajaan Pusat juga ada menyalurkan sumbangan kepada sekolah-sekolah agama kini.**

**"Guru-guru KAFA turut menerima elaun daripada Kerajaan Negeri sekali gus menjadikan sekolah agama sebagai platform mendidik anak-anak seawal usia kanak-kanak sehingga dewasa**," ujarnya.



SUASANA pembelajaran di salah sebuah kelas di Madrasah Uthmaniah.

# Pintu gerbang baru tarikan pusat keagamaan, pelancongan



*GOLDEN Chariot* yang melalui jalan-jalan utama pada sambutan Thaipusam baru-baru ini.



RUPA bentuk pintu gerbang di kuil Sri Arulmigu Balathandayuthapani.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**KEBUN BUNGA -** Sempena sambutan Thaipusam yang berlangsung pada 31 Januari lalu, Kerajaan Negeri melalui Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng mengumumkan sumbangan sebanyak RM200,000 kepada kuil Sri Arulmigu Balathandayuthapani khas untuk perayaan berkaitan tahun ini.

"Pada kesempatan ini, saya ingin mengumumkan sekali lagi bahawa mulai tahun 2018, peruntukan tahunan Kerajaan Negeri kepada Lembaga Wakaf Hindu (HEB) telah dinaikkan daripada RM1.1 juta kepada RM1.5 juta setahun," katanya pada Majlis High Tea Perayaan Thaipusam 2018 dekat perkarangan Kuil Ganeshar, Kebun Bunga di sini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan, A. Tanasekharan; Ketua Polis Negeri, Datuk A. Thaiveegan dan Pengerusi Kuil Sri Arulmigu Balathandayuthapani, R. Subramaniam.

Mengulas lanjut, Guan Eng turut menzahirkan rasa kagum akan keindahan gerbang kuil baharu berketinggian 13.71 meter yang disiapkan dalam masa tiga bulan.

"Pintu gerbang baharu merangkumi enam ciri kuil Dewa Murugan bakal menjadi tarikan pusat keagamaan serta pelancongan kepada negeri Pulau Pinang," katanya yang juga ADUN Air Putih.



SEBAHAGIAN penganut agama Hindu yang menunaikan nazar.

# Program khas penempatan semula untuk penduduk Ladang Byram



(Barisan depan, dari kiri) MANSOR Othman, Prof. Dr. P. Ramasamy dan Jagdeep Singh Deo memerhatikan perincian projek pada Majlis Pecah Tanah Projek Penempatan Semula Ladang Byram di sini baru-baru ini.




ILUSTRASI reka bentuk projek.

**NIBONG TEBAL -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang bakal melaksanakan program khas penempatan semula penduduk termasuk 59 keluarga asal Ladang Byram di atas tanah berkeluasan 8.75 ekar.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy memberitahu, di atas tanah tersebut akan dibina 76 unit rumah kluster kos rendah satu tingkat dengan luas lantai sebuah hampir 706 kaki persegi; 201 ekar untuk bangunan dua tingkat Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang Byram; padang bola (1.0 ekar) dan kuil Hindu (0.22 ekar).

"Kerajaan Negeri menganggarkan kos pembangunan projek ini adalah sekitar RM15 juta...(termasuk) pengambilan tanah Lot 7578 dengan kos RM3.8 juta.

"Pada masa ini, cuma 56 keluarga sahaja tinggal di Ladang Byram, namun Kerajaan Negeri membina 76 unit rumah supaya penduduk asal yang telah berpindah ke kawasan berdekatan untuk turut tinggal dalam projek penempatan semula ini," ujarnya pada Majlis Pecah Tanah Projek Penempatan Semula Ladang Byram pada 21 Januari lalu di sini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee; Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus.

Difahamkan, sejumlah 38 keluarga terpaksa berpindah pada tahun 1990-an kerana Kerajaan Negeri terdahulu mengambil alih kira-kira 1,000 ekar tanah di Byram bagi tujuan mewujudkan tapak pelupusan sisa pepejal Pulau Burong.

Pada 31 Oktober 2012, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menandatangani satu perjanjian projek pemajuan fasa III tapak pelupusan sisa pepejal tersebut dengan syarikat PLB Terang Sdn. Bhd..

Pemajuan Fasa III projek itu memerlukan 59 keluarga terbabit berpindah dari kampung halaman mereka dekat Ladang Byram.

# Penduduk Taman Paya Terubong dapat lif baharu

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PAYA TERUBONG -** Hasil keprihatinan Kerajaan Negeri, penduduk Blok 7 Taman Paya Terubong di sini bakal menikmati perkhidmatan lif baharu menjelang Tahun Baru Cina ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, melalui Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP), Kerajaan Negeri bersetuju membiayai RM192,000 iaitu 80 peratus daripada kos penukaran dua unit lif yang keseluruhannya mencecah RM240,000.

"Sejak TPM80PP diperkenalkan pada tahun 2013 hingga kini, sebanyak 96 projek membabitkan rumah kos rendah dan (kos) sederhana rendah menerima manfaat daripada skim ini meliputi penukaran lif sebanyak 52 projek, tukar tangki air (21), tukar bumbung (8) dan lain-lain seperti cat semula, turap serta bina tembok (15).

"Selain itu, sebanyak 17 lagi permohonan akan dipertimbangkan pada mesyuarat akan datang.

"Bagi 2018, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM6.8 juta untuk tujuan TPM80PP," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat ketika mengadakan lawatan ke Blok 7 Taman Paya Terubong di sini 23 Januari lalu.

Hadir sama, ADUN Paya Terubong, Yeoh Soon Hin dan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh.

Dalam perkembangan sama, Jagdeep turut menyeru penghuni-penghuni projek-projek perumahan lain agar membayar yuran penyelenggaraan secara konsisten.

"Saya puji penduduk di sini kerana tidak berdepan dengan masalah melunaskan baki 20 peratus TPM80PP yang berjumlah RM48,000 kerana Badan Pegurusan Bersama (JMB) mempunyai wang yang cukup," jelas beliau.



**JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kanan) dan Yeoh Soon Hin (dua dari kiri) ketika mengadakan lawatan meninjau keadaan lif di Blok 7 Taman Paya Terubong di sini baru-baru ini.**

## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

BERSATU DAN SETIA

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

| No Akaun | Peminjam | Penjamin 1 | Penjamin 2 |
|---|---|---|---|
| 10718 | MUHAMAD FITHRI BIN OTHMAN - 87052507****<br>23-3 BEREK POLIS LEBUH PANTAI, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG | WAN ROSLINA BINTI WAN RAMLI - 81060407****<br>NO. 65 LORONG 16/SS3, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG EMPAT, SPS | ROHANI BINTI PAKWANCHEE - 74052007****<br>87 JALAN MAQBUL, SUNGAI PINANG 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG |
| 10720 | IMAADUDDIN BIN ABDUL HALIM - 86012007****<br>NO.1589 KAMPUNG BANGGOL 13200 KEPALA BATAS, SPU | NORAINI BINTI AHMAD - 61021107****<br>1589 KAMPUNG BANGGOL 13220 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA | ABDUL HALIM BIN ABDUL HAMID - 55102807****<br>1589 KAMPUNG BANGGOL 13220 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA |
| 10730 | LIM HOOI MEI - 86082435****<br>NO.7 LORONG RUSA 6, TAMAN SELAMAT 14000 BUKIT MERTAJAM | LIM HOOI LING - 81100707****<br>7 LORONG RUSA 6, TAMAN SELAMAT, 14000 BUKIT MERTAJAM | TEOH KAH KHIANG - 81061102****<br>NO. 7 LORONG BUKIT KECIL INDAH 2, TAMAN BUKIT KECIL INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM |
| 10734 | AZRAWATI BINTI ARSHAD - 78031507****<br>S.K. METHODIST (M) PELABUHAN KLANG, JALAN ORKID, PELABOHAN KLANG 42000 SELANGOR | NURUL DIYANA BINTI ABD RAZAK - 81072701****<br>NO. 57 JALAN KJ 39, TAMAN KRUBONG JAYA, 75260 MELAKA | DZULIKHWAN BIN AHMAD MOKHTAR - 74092910****<br>59 JALAN 43, PORT GARDEN 42000 PELABUHAN KLANG, SELANGOR |
| 10735 | NORSIAH BINTI MOHAMED - 65030107****<br>JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA, WISMA KASTAM DIRAJA MALAYSIA,GAT LEBUH CINA, 10300 GEORGETOWN, PULAU PINANG | MOHAMMAD HASSAN BIN MD ISA - 65062202****<br>755 JALAN KOBIS 3, TAMAN KOBIS 3, LUNAS 09600 KEDAH | SHOFI BIN MOHAMAD - 57092807****<br>3491 LORONG SELASIH 2F 4 , TAMAN SELASIH 09000 KULIM, KEDAH |
| 10748 | MUHAMMAD NABIL FIKRI BIN BAHARUL AKMAR - 89041507****<br>24 JALAN JAMBU 2, TAMAN JAMBU, MACHANG BUBOK 14020 BUKIT MERTAJAM, | BAHARUL AKMAR BIN OMAR - 54011007****<br>NO. 24 JALAN JAMBU 2, TAMAN JAMBU, MACHANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM | RUSLINAWATI BINTI IBRAHIM - 63022402****<br>NO. 24 JALAN JAMBU 2, TAMAN JAMBU, MACHANG BUBUK 14020 BUKUT MERTAJAM |
| 10749 | HO CHOON KOOK - 64121307****<br>S.M.K. PADANG SERAI, PADANG SERAI 09400 KEDAH | HO CHOON FAH - 67011107****<br>804 TAMAN INDAH 09600 LUNAS, KEDAH | NG YEW HUNG - 61082307****<br>804 TAMAN INDAH 09600 LUNAS, KEDAH |
| 10751 | BALQHIS BINTI KARIM - 88040406****<br>NO. 955 MUKIM 11, SUNGAI BATU, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG | SALINA BINTI HASSAN - 64122607****<br>NO. 18 LORONG SERI GENTING 2, TAMAN PONDOK UPEH, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG | ISMAIL SHAH BIN A ABDUL RAZAK - 60072107****<br>769 MUKIM 2, TELUK BAHANG 11050 BALIK PULAU, PULAU PINANG |
| 10753 | GOH THEE SIANG - 86080435****<br>8-3-7 PERSIARAN MAYANG PASIR 5, BANDAR BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG | GOH EU ENG - 56031407****<br>16-1-7 PESIARAN MAYANG PASIR 5, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG | GOH THEE YONG - 80120607****<br>6-1-4 PESIARAN MAYANG PASIR 5, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG |
| 10765 | MUHAMMAD LOKMAN HAKIM BIN MUHAMMAD HAMBALI - 87051738****<br>LOT 5076 JALAN DATO ANUAR MUSA 2, KAMPUNG PINANG SEBERANG 34600 KAMUNTING, PERAK | MUHAMMAD HAMBALI BIN OSMAN - RF108***<br>LOT 5076 JALAN DATO ANUAR MUSA 2, KAMPUNG PINANG SEBERANG 34600 KAMUNTING, PERAK | ZAMRI BIN ZAKARIA - T1077***<br>445 JALAN LEMBAH PERMAI 1/3, TAMAN LEMBAH PERMAI 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH |
| 10770 | SHAHIDAN BIN ZAINI - 87082707****<br>4-01- A LORONG DESA SENA 5, TAMAN DESA SENA 13300 TASEK GELUGOR, SPU | ZAINI BIN BIDIN - 61021008****<br>2333 PERMATANG BERANGAN 13300 TASEK GELUGOR, SPU | MUHAMAD BIN SALLEH - 59092002****<br>NO. 467 LORONG 11, TAMAN NILAM, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH |
| 10775 | FAIZA SURIA BINTI JAMALUDIN - 84030307****<br>NO. 343 LENGKOK PERDANA 8/4, SEKSYEN 8, BANDAR PERDANA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH | JAMALUDIN BIN CHE DAN - 55032307****<br>8984 KAMPUNG MANGGIS 13400 SUNGAI PUYU , BUTTERWORTH | FAIZAL WAJIDI BIN JAMALUDIN - 82072707****<br>BLOK B-G2 TAMAN BELIBIS 14100 SIMPANG EMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN |
| 10776 | NG PEK GEE - 86120307****<br>NO.74 TINGKAT KANCIL SATU, TAMAN HWA SENG, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM | NG SU HOCK - 58071306****<br>74 TINGKAT KANCIL 1, TAMAN HWA SENG 14000 BUKIT MERTAJAM | LIEW KUEN MEE - 68122507****<br>29 LORONG JERNIH 4, TAMAN JERNIH 14000 BUKIT MERTAJAM |
| 10779 | INTAN ZALIKHA BT ZAINOL HIZAM - 87122835****<br>24 TINGKAT PAHLAWAN 14, TAMAN SENANGAN 13050 BUTTERWORTH | SHAHRUL ANUAR BIN HASHIN - 64071607****<br>NO. 202 JALAN MERBAU 2/1, TAMAN MERBAU, TIKAM BATU 08600 SUNGAI PETANI, KEDAH | ZULKIFLI BIN BAKAR - 64112107****<br>953 PERMATANG TINGGI B 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA |

# Aspen, LG meterai MoU rancakkan sektor E&E Pulau Pinang



KETUA Menteri bersama-sama Hogeon Hwang (depan, empat dari kanan) memerhatikan model pembangunan *Aspen Vision City* sambil diperhatikan M. Murly (dua dari kanan) dan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (kanan sekali) pada majlis pemeteraian MoU di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Syarikat hartanah berpangkalan di Pulau Pinang, *Aspen Group Holdings Limited* (Aspen) baru-baru ini memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan LG Electronics Incorporated (LG) dari Korea Selatan sebagai rakan perkongsian strategik dalam menyediakan penyelesaian teknologi terkini, platform Internet Benda (IoT) yang membolehkan produk serta perkhidmatan inovatif merentasi pasaran di Asia Tenggara.

Selain menawarkan kepelbagaian produk, di bawah perkongsian berkaitan, LG juga akan bekerjasama dengan Aspen untuk pembangunan perkhidmatan pintar, bangunan pintar dan bandar pintar *Aspen Vision City* di Batu Kawan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, kehadiran LG ke Pulau Pinang dilihat sebagai batu loncatan untuk syarikat elektronik gergasi dunia itu.

"Saya mengalu-alukan kehadiran LG ke Pulau Pinang untuk bersama-sama nama besar lain seperti *Hitachi*, *Intel*, *Jabil*, *Broadcom* dan *Western Digital* (WD) merancakkan lagi sektor elektronik dan elektrikal (E&E) di negeri ini.

"Sektor E&E merupakan nadi Pulau Pinang dan menjadi pemandu ekonomi utama negeri ini dengan nilai pelaburan dalam sektor ini dijangka melebihi RM10 bilion bagi 2017 serta menjadi magnet yang menarik pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia," ucapnya pada majlis berkaitan di sini.

Hadir sama, Pengarah Eksekutif Kumpulan Aspen, Datuk Seri Nazir Ariff Mushir Ariff; Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Aspen, Datuk M. Murly; Timbalan Presiden Eksekutif dan Ketua Pembangunan Perniagaan Global, Syarikat B2B LG Electronics Incorporated, Hogeon Hwang; Pengarah Urusan LG Electronics Malaysia, Kyutae Kim dan wakil kedua-dua syarikat terbabit.

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, penghasilan produk E&E meningkat 21 peratus pada November 2017 dan nilai eksport juga bercambah 20.5 peratus kepada RM314.27 bilion bagi 11 bulan pertama tahun 2017 menjadikan keseluruhan jumlah eksport negara adalah 36.7 peratus.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng turut melahirkan rasa bangga apabila Pulau Pinang berjaya menduduki tangga pertama dan kedua bagi pengeksport tunggal terbesar di Malaysia iaitu WD dengan sumbangan eksport bernilai RM20 bilion atau 2.3 peratus keseluruhan eksport negara dan *Broadcom* RM70 bilion atau menyumbang 8 peratus daripada keseluruhan eksport negara.

Difahamkan LG akan menjadikan stor utama di *Aspen Vision City* dengan dilengkapi pelbagai perkakasan premium dan terkini.

# BBS Automation rancang lebar 'sayap' pengeluaran di PSP tahun hadapan

**BUKIT TAMBUN –** BBS Automation (Pulau Pinang) Sdn. Bhd. (BBS Automation) merancang untuk melebarkan 'sayap' operasinya di Taman Sains Pulau Pinang dekat Bukit Minyak tahun hadapan.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata, BBS Automation berhasrat mengembangkan pengoperasiannya sehingga dua kali ganda daripada keluasan asal 42,000 kaki persegi (saiz lantai).

"Kerajaan Negeri menyambut baik rancangan BBS Automation untuk melebarkan 'sayap'nya di sini, dan ini cukup membuktikan bahawa syarikat beribu pejabat di Jerman itu tertarik dengan nilai tambah pelaburan yang ditawarkan di negeri ini.

"Saya yakin, dengan perkembangan terbaru ini, ia mampu memberi impak positif terhadap pertumbuhan ekonomi negeri terutamanya di kawasan *Penang Science Park* (Taman Sains Pulau Pinang) ini," ucapnya pada sambutan ke-30 penubuhan BBS Automation di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif BBS Management GmbH, Josef Wildgruber; Pengarah Eksekutif Dewan Perniagaan Malaysia – Jerman, Daniel Bernbeck; Ketua Pegawai Eksekutif investPenang, Dato' Loo Lee Lian dan Ketua Pegawai Eksekutif Penang Skills Development Centre (PSDC), Muhamed Ali Hajah Mydin.

Menurut Mohd. Rashid, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mengumumkan baru-baru ini bahawa Pulau Pinang berada di tangga kedua bagi jumlah pelaburan yang diluluskan dan sektor pembuatan untuk suku ketiga tahun 2017 dengan nilai mencecah RM9.9 bilion.

"Jalinan usahasama antara Kerajaan Negeri dan pihak industri Jerman terserlah terutamanya dalam pengenalan Skim Latihan Dual Vokasional dan *The Malaysia Meister Programme* yang mengikut standard di Jerman.

"Kerajaan Negeri juga memperuntukkan RM6 juta untuk melatih warga Pulau Pinang yang berminat dan berkelayakan, seterusnya membolehkan kita (Pulau Pinang) melahirkan pekerja berkemahiran tinggi," ujarnya yang juga Exco Pembangunan Industri dan Perdagangan Antarabangsa.

Dalam pada itu, Pengurus Besar BBS Automation, Andrea Foerster memberitahu, pihaknya mensasarkan pertumbuhan pendapatan sehingga 20 peratus untuk tahun ini.

"Setiap tahun, kira-kira 50 projek dikendalikan BBS Automation dan setiap projek kosnya adalah antara RM400,000 sehingga RM90 juta.

"(Dan) memandangkan Asia merupakan pasaran terpenting dan kian berkembang pesat, kami (BBS Automation) yakin mampu memenuhi kehendak pasaran di sini dengan kedudukan yang strategik di Pulau Pinang," katanya.

BBS Automation (Pulau Pinang) Sdn. Bhd. (dahulu dikenali sebagai ixamation (Asia) Sdn. Bhd.) merupakan salah satu daripada lima anak syarikat automasi terkemuka, *BBS Automation Blaichach GmbH* yang bertapak di tiga negara seluruh dunia (termasuk Pulau Pinang, Malaysia) dengan lebih 600 pekerja dan hasil global (*global revenue*) mencecah USD115 juta tahun lalu.



MOHD. Rashid Hasnon (dua dari kanan) bersama-sama Andrea Foerster (tiga dari kanan) dan eksekutif BBS Automation meraikan pelebaran empayar syarikat berkaitan di Bukit Tambun di sini baru-baru ini.


• Perlukan ..... Modal Tambahan? • Ingin..... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!

TANPA CAGARAN & PENJAMIN

PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) NEGERI PULAU PINANG

RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH

MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN

SYARAT KELAYAKAN
• Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
• Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan

HUBUNGI: Unit PTSR, Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
Bangunan Tun Dr. Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas, Pulau Pinang
Tel: 04-634 0111 (samb: 141/125/182/354/479) Faks: 04-642 6916

# Pencapaian Kerajaan Negeri selama ini mampu jadikan Pulau Pinang negeri mampan menjelang 2030 - KM

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**GEORGE TOWN** - Dalam merealisasikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri pintar dan mampan, gerak kerja badan-badan berkepentingan di negeri ini perlu meletakkan misi serta visi selaras dengan hasrat tersebut, kata Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng ketika berucap pada penganjuran Simposium Pulau Pinang Negeri Mampan baru-baru ini.

Guan Eng yang hadir menyempurnakan majlis perasmian penganjuran berkaitan percaya dalam Revolusi Industri 4.0, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing sekaligus menguasai peredaran era.

"Sekarang ini, kita berada dalam Revolusi Industri 4.0 yang mana analisis data menjadi kunci kepada semua sistem kehidupan manusia sehari-hari.

"(Dan) dengan data jugalah kita dapat melihat kejayaan inovasi seperti *Uber* atau *Grab*, yang mana syarikat tersebut tidak memiliki sebuah teksi pun, tetapi menggunakan aplikasi data yang boleh diakses seluruh dunia menggunakan telefon pintar, syarikat tersebut berjaya.



**PARA peserta bergambar kenangan bersama-sama Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Perasmian Simposium Pulau Pinang Negeri Mampan di sini baru-baru ini.**

"Begitu juga syarikat perhotelan terbesar, *AirBnB* yang tidak memiliki hotel, tetapi mempunyai ramai pengguna yang menggunakan aplikasi mereka untuk mencari penginapan. Umumnya, syarikat-syarikat seperti ini menjana keuntungan yang besar hasil analisis data," ujarnya di hadapan kira-kira 200 peserta di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; barisan Exco Kerajaan Negeri; Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri, Dato' Anas Ahmad Zakie; Ahli-ahli Lembaga Pengarah Penang Green Council (PGC), Datuk Dr. Leong Yueh Kwang serta Lawrence Lim Hua Kwang; Pengurus Besar PGC, Thing Siew Shuen dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa.

Apabila diajukan soalan, 'Mampukah Pulau Pinang Menjadi Negeri Mampan Pada Tahun 2030?, Guan Eng yakin pencapaian Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang selama ini mampu merealisasikan matlamat berkenaan.

"Antara kejayaan 10 tahun Kerajaan Negeri Pakatan Harapan yang boleh dibanggakan adalah berjayanya program Hari Tanpa Beg Plastik Percuma; tahap kitar semula tertinggi iaitu 38 peratus berbanding kadar nasional, 22 peratus; tidak meneroka hutan simpan sebaliknya menanam 271,000 batang pokok; memboikot hidangan sup atau makanan berasaskan sirip ikan yu dalam majlis rasmi Kerajaan Negeri dan lain-lain.

"Kita di Pulau Pinang dalam pada itu juga menekankan strategi penglibatan komuniti bagi memastikan tiada rakyat terpinggir dalam arus pembangunan selari dengan program *United Nations Sustainable Development Goals* (UNSDGs) iaitu menjadikan negeri ini sebagai negeri hijau dan mampan," jelasnya.

## Pusat Sumber Alam Sekitar, YDP seru lebih ramai ikut jejak langkah

**BUKIT TAMBUN –** Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud memuji langkah diambil penduduk Taman Tambun Jaya dalam menjadikan kitar semula sebagai satu amalan harian.

Menurut beliau, sikap keterbukaan 130 penduduk di sini dalam menyahut saranan MPSP untuk menubuhkan pusat sumber alam sekitar merupakan satu langkah permulaan yang baik.

"Seperti semua sedia maklum, kitar semula merupakan elemen penting kerana semakin kurang sampah yang akan dihasilkan, maka semakin panjang jangka hayat tapak pelupusan sampah sedia ada di Pulau Burong.

"(Dan) dengan penubuhan pusat sumber alam sekitar ini, ia dapat membentuk sebuah komuniti yang lestari sejajar dengan hasrat MPSP ke arah Bandar Raya Rendah Karbon menjelang tahun 2022," ucapnya pada Majlis Perasmian Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Tambun Jaya di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun merangkap Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Dato' Law Choo Kiang.

Turut sama, beberapa Ahli Majlis bagi MPSP antaranya, Dr. Seow Kweng Tian, H'ng Mooi Lye dan Heng Yeh Shiuan serta Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga Taman Tambun Jaya, Tan You Gee.

Mengulas lanjut, Rozali percaya bahawa kerjasama dalam kalangan komuniti setempat berhubung inisiatif kitar semula adalah amat penting kerana dapat membantu MPSP terutamanya dalam aspek penjagaan persekitaran.

"MPSP amat berbesar hati sekiranya lebih ramai komuniti di kawasan perkampungan atau taman perumahan di Seberang Perai dapat mengikut jejak langkah penduduk di taman ini dengan mewujudkan pusat sumber alam sekitar.

"Diharapkan dengan penubuhan pusat sumber ini, ia dapat meningkatkan aktiviti kitar semula seperti pengumpulan barangan kitar semula, pengumpulan minyak masak terpakai dan pengumpulan sisa organik untuk pengkomposan," ujarnya.



**LAW Choo Kiang (tiga dari kanan), Sr. Rozali Mohamud (berkopiah) serta komuniti setempat menyempurnakan Majlis Perasmian Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Tambun Jaya di sini baru-baru ini.**



# Trek joging berlampu Seberang Jaya pilihan umum bersenam malam, keselamatan lebih terjamin

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIZ**

**SEBERANG JAYA -** Trek joging malam berlampu dekat jajaran Sungai Pertama berhampiran kawasan Rekreasi Taman Tunku di sini merupakan yang pertama di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada majlis perasmian projek penarafan tersebut memberitahu bahawa fasa ketiga pemasangan lampu limpah di sepanjang laluan joging dekat kawasan rekreasi Taman Tunku akan diteruskan demi memenuhi hasrat penduduk tempatan.

"(Projek penarafan) ini akan menjadi satu lagi pilihan kepada semua orang awam untuk bersenam pada sebelah malam, dengan keselamatan mereka lebih terjamin," katanya di sini 15 Januari lalu.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya merangkap Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng serta Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Mewakili warga penduduk Seberang Jaya, Afif pada sidang media sama turut merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Guan Eng kerana turut mengumumkan hasrat pelaksanaan fasa ketiga projek penarafan kemudahan rekreasi awam di sini.

"Keseluruhan kos pemasangan tiang konkrit serta lampu jalan dalam fasa satu dan fasa dua projek penarafan tersebut menelan belanja RM103,200,'' jelasnya.




KETUA Menteri, Dr. Afif Bahardin (kanan sekali) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Perasmian Projek Penarafan Trek Joging Malam Berlampu dekat jajaran Sungai Pertama berhampiran kawasan Rekreasi Taman Tunku di sini baru-baru ini.

## Gelanggang bola keranjang berbumbung A-Zone diharap yang terbaik

**SEBERANG JAYA –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin berharap ekoran inisiatif penambahbaikan gelanggang bola keranjang A-Zone dekat sini, ia selanjutnya dapat menjadi gelanggang (bola keranjang) berbumbung terbaik di Pulau Pinang.

Beliau berkata demikian ketika hadir mengumumkan sumbangan tambahan berjumlah RM20,000 kepada Pertubuhan Perayaan Yee Lan Seberang Jaya yang merupakan badan bertanggungjawab menyelia gelanggang tersebut.

"Saya harap gelanggang ini akan menjadi gelanggang yang terbaik dalam negeri Pulau Pinang selepas ia dinaik taraf kelak. Tambahan pula, gelanggang Akira (kini A-Zone) ini sering menjadi tumpuan terutamanya golongan belia yang meminati sukan bola keranjang.

"Sebagai makluman, proses penarafan gelanggang ini sudah bermula kini dan dijangka siap dalam tempoh tiga minggu seterusnya," katanya pada majlis penyerahan cek sumbangan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, beberapa ahli Pertubuhan Perayaan Yee Lan Seberang Jaya.

Menurut Afif yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, sumbangan RM20,000 tersebut merupakan tambahan peruntukan daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM100,000 sebelum ini.

Difahamkan, kerja-kerja penarafan yang bakal dilaksanakan termasuk, pendawaian semula kabel elektrik, tukar ganti lampu, membaik pulih lantai dan pengecatan semula.



DR. Afif Bahardin (lima dari kiri) bersama-sama ahli-ahli Pertubuhan Perayaan Yee Lan Seberang Jaya menyempurnakan Majlis Perasmian Penaiktarafan Gelanggang Bola Keranjang Berbumbung A-Zone di sini baru-baru ini.



# Memartabat institusi pendidikan Islam Pulau Pinang - Ustaz Rosli Othman

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**


USTAZ Rosli Othman.

**SEJAK** Kerajaan Negeri berpindah tangan pada tahun 2008, agenda memartabatkan Islam dan umat terus dipacu di Pulau Pinang.

Pelbagai usaha dilaksanakan, antaranya peruntukan pembangunan hal ehwal agama Islam sehingga 2016 adalah kira-kira RM457.05 juta.

Kerajaan Negeri terdahulu sebelum 2008 dalam tempoh 1999 hingga 2007 direkodkan memberi peruntukan berwajib sejumlah RM249.09 juta sahaja.

Itu, tidak termasuk peruntukan pembangunan sekolah-sekolah persendirian Islam dilaksanakan Kerajaan Negeri hari ini, sejumlah RM57.64 juta bagi tempoh 2008 hingga 2016 berbanding RM20.11 juta yang direkodkan dalam tempoh tahun 1999 hingga 2007 sebelum itu.

Tiap-tiap tahun, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang turut memberi sumbangan pendidikan kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Agama Rakyat (SAR), Tadika Islam (TADIS), 'Sekolah Pondok', Guru Kelas Fardhu Ain (KAFA), Huffaz, Pegawai Masjid dan banyak lagi.

### Sekolah Agama Bercambah Di Pulau Pinang

Menurut Ustaz Rosli Othman, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan di Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JAIPP), percambahan begitu banyak sekolah agama swasta di negeri ini merupakan salah satu faktor peruntukan berwajib yang lebih diperlukan demi memartabatkan institusi pendidikan Islam di Pulau Pinang.

"Bayangkan ada 361 buah sekolah (SABK dan SAR) nak diuruskan dengan peruntukan daripada sumber dana Majlis (Agama Islam Negeri Pulau Pinang, MAINPP) dan Zakat (Penang) serta peruntukan daripada Kerajaan.

"Maka ada cabarannya, pertama, peruntukan untuk melengkapkan sekolah, dan kedua adalah pertumbuhan sekolah di Pulau Pinang agak bercambah.

"Banyak sekolah agama dibina atas nama wakaf dan tiada rekod wakaf pun di Majlis Agama (MAINPP), menyebabkan kita sukar mengawal mutu pembangunan dan akademik sekolah-sekolah terbabit.

"Contohnya, tanpa mendapat kebenaran daripada Majlis (Agama Islam Negeri Pulau Pinang, MAINPP) mereka mengutip dana wakaf untuk membina sekolah tapi nama tanah dan bangunan itu atas nama sendiri.

"Apabila kita semak dengan sekolah, tanah itu tidak didaftarkan atas nama sekolah tapi atas nama individu tertentu," katanya.

Menurut Ustaz Rosli, MAINPP, JAIPP hatta Kerajaan Negeri seakan dalam persimpangan, bimbang dianggap anti-Islam dan anti-institusi pendidikan Islam jika mengambil langkah penguatkuasaan terhadap pihak tententu yang menyalahguna maksud 'wakaf' untuk membina sekolah persendirian mereka.

Bagaimanapun tambahnya, JAIPP khususnya Bahagian Pendidikan tidak pernah putus asa dalam memartabatkan institusi pendidikan Islam di Pulau Pinang.

"Di bawah *ana* (saya), Bahagian Pendidikan ada unit-unit iaitu Unit Pentadbiran, Unit Pengurusan, Unit Akademik.

"Di bawah Unit Pengurusan ini lah, kita salur bantuan yang diperlukan oleh sekolah, kita salurkan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan.

"Jabatan, khususnya di peringkat Bahagian Pendidikan JAIPP, sangat besar hasrat kita, berdasarkan motto 'Ke Arah Pendidikan Yang Berkualiti dan Berkat'," ujarnya.

### Globalisasi

Ustaz Rosli menyatakan bahawa ada tiga cabaran utama dalam memartabatkan institusi pendidikan Islam di Pulau Pinang.

"Pertama, Kerajaan Negeri khususnya JAIPP harus menyedari mengenai perkembangan arus globalisasi.

"Sektor pendirian Islam di Pulau Pinang pun mendepani zaman jua yang senantiasa berubah-ubah, iaitu arus globalisasi.

"Tidak dapat dinafikan selain fokus kita (Bahagian Pendidikan JAIPP), dalam pendidikan, kita (JAIPP) ada sasaran kita dan *waqi'* (semasa).

"Faktor globalisasi yang turut memberi cabaran kepada bidang pendidikan ini contohnya faktor penguasaan bahasa.

"Tidak dapat dinafikan, selain fokus kita dalam penguasaan bahasa Arab, adalah penguasaan bahasa Inggeris.

"Pelajar agama di SABK (Sekolah Agama Bantuan Kerajaan) dan SAR (Sekolah Agama Rakyat) lemah bahasa Inggeris, tetapi apabila ada peluang masuk ke universiti (Awam) dan buat pembentangan dalam bahasa Inggeris, boleh (menguasai pertuturan bahasa Inggeris)," katanya.

### Pertembungan Generasi

Cabaran kedua, jelas Ustaz Rosli, adalah corak pengajian aliran tradisionalis dan murid daripada generasi Y.

"Sesetengah guru agama dalam aliran tradisionalis masih mahu mengekalkan gaya pengajian ala pondok, sedangkan yang mereka urus di SABK atau SAR adalah generasi Y, dengan gajet, terdedah dengan lambakan maklumat dan sebagainya.

"Mereka begitu terdedah dengan arus globalisasi dan maklumat, kalau guru-guru agama tidak cepat menyesuaikan diri dengan arus globalisasi ini, memang sukar untuk mereka menguruskan murid-murid dari Generasi Y ini," ujarnya.

### Sistem Nilai

Cabaran ketiga, Ustaz Rosli memberitahu, adalah perubahan sistem nilai.

"Sistem nilai dalam masyarakat berubah. Dahulu, guru merotan murid atas tujuan didikan, akan disokong oleh waris dan masyarakat, tapi sekarang adalah sebaliknya.

"Maka, guru-guru SABK dan SAR mesti mencari pendekatan yang baru dalam mendidik, asalkan sesuai dengan sistem nilai yang berubah-ubah belakangan ini," jelasnya.

Cabaran keempat dan terakhir, ulas beliau adalah perubahan dasar Kerajaan.

"Contohnya, dulu Wawasan 2020 dan sekarang TN50 (Transformasi Nasional 2050).

"Di Pulau Pinang, ada usaha merealisasikan Islam Rahmat Ke Seluruh Alam, maka semua dasar ini harus sampai dan dihayati oleh guru-guru dan pentadbir sekolah agama rakyat," katanya.

### Cabaran lain

Ustaz Rosli menyatakan bahawa ketika ini, Bahagian Pendidikan JAIPP turut menghadapi cabaran lain, seperti urusan menghantar pelajar-pelajar lepas sekolah agama untuk melanjutkan pengajian tinggi di Timur Tengah.

"Kos pengajian dalam bidang agama ke luar negara memang tinggi, dengan mengambil kira nilai Ringgit Malaysia.

"Sepatutnya, mungkin perlu ada lebih banyak lagi program seperti tiga tahun belajar di negeri Pulau Pinang dan tahun akhir di negara Mesir atau Jordan.

"Cuma, untuk belajar betul-betul bahasa Arab ini, memang perlu persekitaran yang sebenar di negara Arab, tidak kiralah Mesir atau Jordan atau mana-mana negara Arab lain, baru boleh," katanya.

### Harapan

Ustaz Rosli menyatakan bahawa beliau begitu optimis dengan masa depan institusi pendidikan Islam, jika terus menerima sokongan daripada semua pihak, khususnya daripada aspek penambahan peruntukan pembangunan berwajib sehingga RM4 juta setahun.

"Untuk melahirkan pelajar berkualiti, mestilah sekolah dan guru-guru berkualiti.

"Bercakap mengenai guru berkualiti ini, pertama mesti dilihat kepada pencapaian akademik, dan kedua tentulah kepakaran profesionalisme mereka seperti ilmu keguruan.

"Semua ini mesti diprogramkan, mesti ada dana yang lebih untuk tujuan pengurusan dan pembangunan sekolah.

"Seperkara lagi, suka juga dinasihatkan bahawa semua harta wakaf mestilah didaftarkan di bawah Majlis Agama dan diperincikan sekatan kepentingan untuk wakaf sekolah.

"Dan ini juga satu lagi cabaran, bukan untuk menyekat percambahan sekolah agama di Pulau Pinang, tapi untuk tujuan meningkatkan mutu perguruan dan akademik pelajar-pelajar," ujarnya.

# Negeri berkebajikan, inisiatif pemasangan paip air 51 rumah penduduk seru lakukan 'undi perubahan' bagi KADUN Penaga dan Bertam

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**

**GEORGE TOWN -** Sejumlah RM76,500 daripada Peruntukan Ketua Menteri disumbangkan bagi pemasangan paip bekalan air, yang sepatutnya ditanggung 51 keluarga sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bertam dan Penaga di sini.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, masalah mendapatkan kebenaran tuan tanah untuk Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) merupakan salah satu faktor terdapat keciciran rumah rakyat di sini daripada mendapatkan bekalan air rawat bersih.

"Saya minta maaf, bukan kerana kita (Kerajaan Negeri dan PBAPP) tidak mahu memasang paip air, tapi kerana tidak dapat kebenaran daripada tuan tanah.

"(Selepas ini, kesemua 51 penerima terbabit) tidak perlu bayar kos pemasangan RM1,500 (setiap rumah) atau (kos keseluruhan) RM76,500, cuma tiap-tiap keluarga bayar RM100 cagaran serta RM30 duit setem.



**KETUA Menteri dan wakil-wakil terlibat mencuba bekalan air rawat bersih pada lawatan di salah sebuah kediaman di sini baru-baru ini.**

"Saya rasa gembira, inilah negeri berkebajikan, kalau ada beberapa rumah lagi tercicir dapat bekalan air, kita usahakan," ujarnya dalam Majlis Lawatan Ke KADUN Penaga sempena Merasmikan Bekalan Air PBAPP Ke Kediaman Penduduk-penduduk Setempat di sini 31 Januari lalu.

Turut berucap, Pegawai Penyelaras Khas Parlimen Kepala Batas, Lay Hock Peng serta Ahli Jawatankuasa Parti Amanah Negara (Amanah), Dr. Zaidi Zakaria.

Hadir sama, dua Ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Mohd Shaipol Ismail serta Hamizah Abdul Manap dan Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Negeri, Asrol Sani Abdul Razak.

Sebelum itu, rombongan Ketua Menteri melawat beberapa rumah penerima projek pemasangan paip air PBAPP sekitar Kampung Kuala Bekah dekat KADUN Bertam.

Dalam pada itu, Guan Eng sekali lagi mengulangi komitmen bahawa Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) akan dimansuhkan jika Pakatan Harapan menubuhkan Kerajaan Persekutuan di Putrajaya pasca PRU14 nanti.

"Rakyat bayar lebih termasuk GST kepada Kerajaan Persekutuan, tapi yang dapat adalah sangat berkurangan.

"Seperti Tun Dr. Mahathir Mohamad cakap, kita akan hapuskan GST jika menang Putrajaya," jelasnya.

## Kata penerima:



**BASRI Abdul Rashid.**

**BASRI ABDUL RASHID**, 60, melahirkan rasa bangga kerana Ketua Menteri sendiri bertandang ke rumahnya untuk melihat sendiri bekalan air siap dipasang PBAPP.

"Saya nelayan, sudah lebih 20 tahun tinggal di sini, tapi tidak pernah dapat bekalan air.

"Sebelum ini, bekalan air ke rumah kami, kongsi meter air dengan rumah jiran, walaupun ada permohonan dibuat kepada kerajaan sebelum ini.

"Tapi, selepas dua bulan diproses oleh pegawai Kerajaan (Negeri) hari ini, siap dipasang bekalan air bersih," jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.



**MOHD. ZAMRI Mohd. Noor.**

Nada sama turut diluahkan oleh seorang lagi penerima, **MOHD. ZAMRI MOHD. NOOR**, 49, pengawal keselamatan.

"Alhamdulillah, terima kasih, lebih kurang dua bulan sahaja terus dapat (pemasangan bekalan air bersih PBAPP).

"Masa BN (Barisan Nasional), lama dah kami minta (pemasangan paip bekalan air) tapi permohonan kita tak dilayan, minta sama pegawai di bawah Kerajaan Negeri Pakatan (Harapan) terus dapat," jelasnya sambil merayu penduduk setempat melakukan 'undi perubahan' bagi KADUN Bertam dan Penaga.



**MAZLINDA Mat Rezab.**

Seorang suri rumah sepenuh masa, **MAZLINDA MAT REZAB**, 30, turut memuji pentadbiran Guan Eng kerana membantu mendapatkan kelulusan tuan tanah berwajib untuk pemasangan paip bekalan air bersih PBAPP.

"Suami kerja nelayan, saya suri rumah, tapi kami sekeluarga sudah duduk sini empat atau lima tahun dah.

"Permohonan dibuat selepas Hari Raya Haji dahulu, dua bulan sudah siap proses, sangat cepat.

"Sebelum ini, kami kongsi meter air, tapi sekarang terima kasih kepada Kerajaan Guan Eng, sebab biaya kos pemasangan paip ke rumah kami di kampung ini," katanya.

# Bersama-sama ubah sikap demi kebersihan Pasar Bukit Mertajam, seru YDP

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **WONG BOON FOEI**

**PADANG LALANG -** Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud menyeru 364 pemilik gerai Pasar Awam Bukit Mertajam (BM) agar mengambil berat aspek kebersihan bagi mengelak ancaman haiwan perosak seperti tikus, lipas dan lalat.

Katanya, ancaman daripada haiwan-haiwan berkaitan dilihat mampu mengancam serta mencemar barangan jualan sekaligus mencetus kepada penyakit berbahaya kepada pengguna serta pembeli.

Rozali berkata demikian ketika melakukan lawatan ke Pasar Awam BM baru-baru ini, susulan tular satu video menunjukkan bahawa tikus berkeliaran di atas barangan jualan di salah satu premis.

"Hasil operasi oleh MPSP selama empat hari (11 hingga 14 Januari lalu), kita (MPSP) berjaya menangkap kira-kira 107 ekor tikus. Pada hari pertama sahaja, sebanyak 50 ekor berjaya ditangkap dan hari berikutnya ia menurun, ini menunjukkan sedikit-sebanyak populasi tikus semakin berkurang di sini.

"Namun, usaha-usaha ini adalah sia-sia jika peniaga sendiri tidak menjaga kebersihan premis masing-masing walaupun pelbagai usaha dilakukan MPSP seperti pengasapan dan sebagainya," katanya pada lawatan berkaitan di sini baru-baru ini.

Rozali dalam pada itu turut mengingatkan peniaga untuk segera membersihkan sampah milik masing-masing.

"Tindakan letak sampah dahulu... kemudian baru nak buang, ia mampu mengundang haiwan-haiwan perosak. Walaupun di sini memang ada pekerja MPSP yang bersihkan, namun sikap peniaga juga perlu diubah.

"Ingin juga saya nasihatkan, jika barang perniagaan itu sampai awal (lingkungan jam 2 pagi), letakkan di dalam bekas tertutup dan tidak terdedah kepada haiwan-haiwan seperti ini. Sekiranya terdedah, ianya akan mengundang bahaya kepada pengguna," katanya.

Mengulas lanjut, Rozali memberitahu, MPSP tidak akan tergagak-agak untuk mengambil tindakan lebih keras sekiranya peniaga di sini ingkar kepada arahan ditetapkan.

"Tetapi saya rasa, tindakan kompaun itu tidak perlu kerana MPSP yakin akan perubahan sikap peniaga di sini yang mampu diterapkan dalam menjamin kebersihan Pasar Awam Bukit Mertajam (BM)," jelas beliau.



**SR. Rozali Mohamud (berkopiah) ketika meramahi salah seorang peniaga Pasar Awam Bukit Mertajam pada lawatan beliau di sini baru-baru ini.**

## Bas baru MBPP untuk kemudahan, kebajikan kakitangan

**GEORGE TOWN -** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menerima sebuah lagi bas untuk kegunaan rasmi pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MBPP, Mohamed Akbar Mustapha berkata, bas berkenaan akan digunakan bagi memudahkan kakitangannya bergerak terutama ketika menyertai pertandingan tertentu di peringkat nasional mahupun negeri.



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (dua dari kanan) dan barisan Ahli Majlis pada Majlis Perasmian Bas Baru MBPP di sini baru-baru ini.**

"Sebelum ini, pihak Majlis telah memiliki sebuah bas yang boleh memuatkan 40 penumpang (sejak 2002), dan dengan adanya bas kedua ini, ia akan memudahkan lagi kakitangan kami bergerak ke sesebuah destinasi.

"Lagipun, dengan adanya kenderaan rasmi ini, ia membolehkan MBPP bergerak dalam satu kumpulan tanpa perlu menggunakan kenderaan sendiri untuk ke sesuatu pertandingan atau program yang melibatkan kumpulan besar (kakitangan)," ujarnya selepas majlis pelancaran bas berkaitan di hadapan Dewan Bandaraya di sini baru-baru ini.

Mantan Datuk Bandar MBPP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif hadir menyempurnakan majlis berkaitan.

Menurut Mohamed Akbar, bas milik MBPP itu turut dibuka untuk sewaan kepada kakitangan awam atau agensi kerajaan lain bagi kegunaan rasmi program-program di peringkat jabatan masing-masing.

"Mereka hanya perlu mengemukakan permohonan melalui ketua jabatan masing-masing serta melampirkan program atau pertandingan yang bakal disertai sekiranya ingin menggunakan bas ini sebagai pengangkutan ke destinasi tersebut," jelasnya.

Dilengkapi dengan dua unit televisyen bersertakan sistem siar raya dan port USB di setiap tempat duduk penumpang, bas berkaitan mampu menampung sehingga 40 penumpang dalam satu-satu masa.

## Dialog, partisipasi umum sumbang penyediaan Bajet MBPP 2019

**PANTAI JEREJAK –** Penganjuran sesi Dialog Bajet Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) 2019 yang masuk tahun kedua disifatkan sebagai platform terbaik bagi mendapatkan maklum balas umum berhubung penyediaan belanjawan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan pada tahun hadapan.

Pengarah Jabatan Perbendaharaan MBPP, Suhaida Kamalul Ariffin berkata, tujuan dialog berkenaan diadakan adalah bagi mendapatkan partisipasi awam ke arah penyediaan belanjawan yang lebih komprehensif serta menyeluruh.



**SUHAIDA Kamalul Ariffin (berdiri, kiri sekali) dan Ong Bee Leng (berdiri, kanan sekali) beramah-mesra dengan para peserta Sesi Dialog Bajet MBPP Tahun 2019 di sini baru-baru ini.**

"Untuk tujuan ini, kita (MBPP) merancang untuk mengadakannya sebanyak empat kali, iaitu bermula pada Januari sehingga April depan.

"Masing-masingnya, dua sesi untuk kawasan Daerah Barat Daya (DBD) dan Daerah Timur Laut (DTL).

"Dengan mengadakan sesi dialog sebegini, diharap MBPP dapat menerima input, idea dan cadangan bernas daripada umum bagi menyediakan satu belanjawan ke arah menjadikan Pulau Pinang sebuah bandar raya pintar dengan tidak mengetepikan hal-hal kehijauan serta keselamatan," ucapnya pada Sesi Dialog Bajet MBPP Tahun 2019 dekat Balai Rakyat MBPP Bayan Baru di sini 13 Januari lalu.

Turut serta, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng.

Hampir 100 peserta terdiri daripada pelbagai latar belakang berbeza, peringkat umur, pendidikan dan keupayaan terlibat sama dalam proses menentukan bajet berkaitan.

Dialog Bajet MBPP Tahun 2019 merupakan usaha sama pintar antara MBPP dan PWDC menerusi inisiatif *Gender Responsive and Participatory Budget* (GRPB).

Dalam pada itu, Bee Leng dalam ucapannya menyatakan, sebagai Kerajaan Negeri berorientasikan rakyat, MBPP secara proaktifnya telah mula menjalankan kaji-selidik bajet untuk tahun hadapan.

"Bagi menentukan keutamaan untuk merangka bajet tahun hadapan, kita (Kerajaan Negeri) membuka ruang serta peluang buat rakyat untuk terlibat sama, baik daripada golongan wanita, lelaki dan sesiapa sahaja," jelasnya.

# Soal Selidik Bajet 2019 berdasarkan pelan strategik lima tahun MPSP



SR. Rozali Mohamud (dua dari kanan), Ir. Rosnani Mahmod (tiga dari kanan) dan barisan Ahli Majlis menunjukkan dokumen-dokumen berkaitan pada sidang media selepas Mesyuarat Penuh Majlis di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**SEBERANG JAYA -** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sekali lagi melaksanakan soal kaji selidik Bajet MPSP 2019 mulai 1 Februari hingga 31 Mac ini.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, soal selidik kali ini adalah berdasarkan Pelan Strategik Tahun 2018 hingga 2022, yang baru dilancarkan pada 2 Januari lalu.

"Proses merangka Bajet 2019 juga akan mengguna pakai metodologi Bajet Responsif Gender dan Partisipatori (GRPB) bagi memastikan pengagihan serta penyediaan peruntukan kewangan memberi impak yang menepati kehendak kumpulan gender berbeza," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini 25 Januari lalu.

Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod serta barisan Ahli Majlis MPSP lain turut sertai sidang media itu.

Tambah Rozali, MPSP akan menyediakan borang kaji selidik dalam empat bahasa iaitu Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris supaya semua komuniti boleh memahami serta mengambil bahagian dalam proses maklum balas tahunan tersebut.

Selain itu, tambah beliau, soal selidik secara dalam talian turut disediakan di laman rasmi MPSP, *www.mpsp.gov.my*.

Info lanjut atau sebarang pertanyaan, hubungi talian 04-5497460/841/890 atau emel *rasida@mpsp.gov.my* dan *norshazila@mpsp.gov.my*.

# Garis panduan, lesen sementara pusat cuci kenderaan manual MPSP kuat kuasa 1 Februari

**SEBERANG JAYA -** Mulai 1 Februari 2017, Yang di-Pertua (YDP) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu bahawa pentadbirannya melaksanakan Garis Panduan Permit Sementara Bagi Pusat Mencuci Kenderaan Secara Manual.

Langkah itu, katanya, mengambil kira kos tinggi yang akan dikenakan oleh perunding terhadap pengusaha terbabit bagi proses mengemukakan Pelan Bangunan dan Pelan Kebenaran Merancang berwajib.

"Pihak Majlis telah mengambil langkah proaktif bagi mengkaji dan mencari penyelesaian bagi memudahkan proses permohonan untuk mendapatkan kelulusan serta membolehkan operasi pusat mencuci kenderaan secara manual beroperasi sah," jelasnya kepada pemberita selepas mempengerusikan Majlis Mesyuarat Penuh di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini 25 Januari lalu.

Kata Rozali, langkah progresif MPSP itu adalah berdasarkan Seksyen 19(2) Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam, UKBS 1986.

"(Berdasarkan seksyen ini), suatu permit sementara boleh dikeluarkan mengikut budi bicara pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi mendirikan sebuah bangunan sementara dan hendaklah tertakluk kepada semua atau sebahagian daripada syarat-syarat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Undang-Undang Kecil ini," katanya sambil menyatakan bahawa langkah MPSP berkaitan adalah mesra pelanggan Seberang Perai.

Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod serta barisan Ahli Majlis MPSP yang lain turut sertai sidang media tersebut.

# Rozali bentang 'kad laporan' 6 bulan sebagai YDP MPSP

**SEBERANG JAYA –** Seperti dijanjikan, Dato' Sr. Rozali Mohamud membentangkan rekod hasil pentadbirannya dalam tempoh enam bulan, sejak dilantik sebagai Yang di-Pertua (YDP) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada 3 Julai tahun lepas.

"Pada 15 Januari lalu, genaplah 200 hari saya sebagai YDP MPSP, dan pada hari ini saya ingin membentangkan hasil pencapaian berdasarkan 12 keutamaan atau pelan tindakan yang telah dijanjikan.

"(Kad laporan) ini adalah menjadi kontrak sosial dengan warga Seberang Perai," katanya dalam sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini 25 Januari lalu.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod serta barisan Ahli Majlis MPSP lain.

Rozali memberitahu, perasmian acara mandi hutan di Hutan Simpan Juru telah dilaksanakan pada 23 September 2017, manakala penanaman 3,000 pokok *Tecoma* secara serentak dan terbesar negara pula berjaya dilangsungkan pada 27 Ogos tahun lepas.

"Satu lagi keutamaan yang telah saya janjikan, iaitu kerja-kerja pemotongan rumput serta pembersihan longkang diperluaskan ke kampung-kampung, perjanjian saya dengan pelanggan Seberang Perai ini pun telah dimulakan pada 1 Januari lalu lagi," jelasnya.

Satu lagi keutamaan yang berjaya dicapai, menurut Rozali, adalah pelaksanaan sisa 3 peratus per kapita penduduk Seberang Perai bagi tahun 2017 berjaya dikurangkan berbanding tahun sebelum itu.

"Sisa pada tahun 2017 adalah sebanyak 1.09 kilogram (kg) per kapita dengan penurunan sebanyak 0.08 kg berbanding tahun 2016 (iaitu sebanyak) 1.17 kg per kapita," ujarnya.

Berikut adalah 12 keutamaan yang digariskan di bawah pentadbiran YDP MPSP hari ini:

- Pemotongan rumput dan pembersihan longkang diperluaskan ke kampung.
- Pelaksanaan '*Pocket Park*' merangkumi '*Forest Bathing*' Bukit Juru dan Menanam 3,000 pokok *Tecoma*.
- Cadangan menaik taraf perbandaran kepada Bandar Raya Rendah Karbon Menjelang 2020 yang mana draf pelan tindakan siap pada bulan Disember 2017.
- Buku 'Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022' dan 'Seberang Perai Corporate Priorities 2018' siap pada bulan Disember tahun lepas dan dirasmikan pada 2 Januari lalu.
- Pelaksanaan sisa 3 peratus perkapita.
- Pelaksanaan '*Bike Friendly Community*' di Taman Merbau, Jalan Perda Barat dan Taman Belatuk.
- Bengkel *upcycle* untuk Local Economic Development (LED) telah dilaksanakan di Taman Alma Ria, Jing Sing Bagan Ajam, Pusat Sumber Alam Sekitar Permatang Nibong, GEMS Bandar Tasek Mutiara, Dewan Perkampungan Machang Bubuk, Autocity Juru dan Klinik Cure and Care Bukit Mertajam.
- Penganjuran SPICE 2018 dijadualkan pada 7 hingga 8 Oktober ini di Hotel The Light dengan tema '*Promoting LED through Ecotourism*'.
- Kempen Garis Panduan '*car wash*', kedai jualan kereta dan '*food truck*' diadakan dalam Program MPSP Mesra Pelanggan pada 25 Januari 2018 di Auditorium MPSP mulai 10 pagi hingga 12 tengah hari.
- Taklimat Garis Panduan Pemutihan 'Kilang Haram' di Auditorium MPSP pada 25 Januari 2018 mulai jam 10 pagi hingga 12 tengah hari.
- Garis Panduan Warisan telahpun diluluskan oleh Majlis Penuh pada 31 Julai 2017.
- Penggunaan IoT, *Open Data*, *Cloud Computing* dan GIS ke arah Bandar Pintar.

"Saya menggunakan pendekatan '*report card*' untuk melaporkan pencapaian MPSP kepada komuniti Seberang Perai.

"Ini adalah sesuai dengan saranan YB Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir) yang mahukan pengiktirafan atau anugerah rakyat kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) di samping anugerah pensijilan lain diiktiraf agensi luar lain," katanya.

# Naik taraf jambatan Happy Valley siap awal demi kepentingan penduduk

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**AIR ITAM –** Mengambil kira keperluan dan kemudahan penduduk sekitar, Kerajaan Negeri baru-baru ini meluluskan projek menaik taraf semula jambatan Happy Valley yang menghubungkan kawasan Farlim dan Lembah Ria di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai berkata, kerja-kerja menaik taraf itu adalah membabitkan pembinaan semula jambatan sepanjang 15 meter dengan membesarkan laluan sedia ada daripada 3.5 meter (m) kepada 4m.

"Kos keseluruhan projek mencecah RM200,000 hasil peruntukan Kerajaan Negeri, dan kerja menaik taraf ini telah siap lebih awal daripada tarikh dijadualkan iaitu 23 Februari 2018 sebelum sambutan Tahun Baru Cina," katanya pada Majlis Perasmian Jambatan Baru Happy Valley baru-baru ini.

Menurut Hon Wai, jambatan berusia 50 tahun tersebut mengalami kerosakan teruk semasa banjir pada 15 September tahun lalu.

"Pembinaan jambatan baru ini akan menjadi laluan alternatif kepada pengguna Lebuhraya Thean Teik ke Bandar Baru Air Itam bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas," ujarnya.

Hadir sama, Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Timur Laut, Nortilawati Osman.

Di samping itu, Hon Wai turut memaklumkan bahawa kerja-kerja membaik pulih Sungai Dondang di Jambatan Thean Teik (bersebelahan Masjid Bandar Baru Air Itam) juga telah siap sepenuhnya.

"Semasa banjir besar yang berlaku pada 4 dan 5 November tahun lalu, bencana tersebut telah menyebabkan tebing sungai ini terhakis.

"Kerja-kerja pembaikan yang menelan belanja RM200,000 sumbangan peruntukan Kerajaan Negeri juga telah siap," jelas beliau.



**WONG Hon Wai (kanan sekali), Nortilawati Osman (dua dari kanan) dan wakil-wakil terlibat pada Majlis Perasmian Jambatan Happy Valley di sini baru-baru ini.**

Sierra pinang

Hakmilik Kekal
5 % Diskaun untuk Bumiputera



**Rumah Kluster Teres 3 Tingkat**

Jumlah Unit: 80

*Jenis A*

Harga Jualan : RM 659,000.00 ( min ) RM 979,000.00 ( mak)
Keluasan Binaan : 2150 kps ( min) 3248 kps ( mak)
Keluasan Tanah : 880 kps ( min) 1550 kps ( mak)

*Jenis B*

Harga Jualan : RM 699,000.00 ( min) RM 1,099,000.00 ( mak)
Keluasan Binaan : 2377 kps ( min) 3476 kps ( mak)
Keluasan Tanah : 960 kps ( min) 2636 kps ( mak)

**1 Unit Rumah Banglo 2 Tingkat**

Harga Jualan :
RM 1,900,000.00 ( min)
RM 1,900,000.00( mak)
Keluasan Binaan :
6026 kps ( min) 6026kps ( mak)
Keluasan Tanah :
5075 kps ( min) 5075 kps ( mak)




Managed by: BSK property

Pemaju
**BSK Concept Home Sdn Bhd** (878492-A)
71-M, Jalan Sungai Rusa, Desa Pinang 11000 Balik Pulau, Pulau Pinang
TEL: **04-8661316** Fax: **04-8667316**
Email: **bsk.czone@gmail.com**

No Lesen Pemaju:13756-1/11-2016/01128(L)
Tempoh Sah: 11/11/2014 hingga 10/11/2016
No Permit Iklan dan Jualan:13756-1/11-2016/01128(P) • Tempoh Sah: 11/11/2014 hingga 10/11/2016
Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: MPPP • No Kelulusan Pelan Bangunan:MPPP/OSC/PB(6488)/14(LB)
Tarikh Dijangka Siap: Disember 2017

# Aspek keselamatan tapak projek wajar dipertingkat demi kepentingan umum

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PANTAI JEREJAK -** Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon menggesa pihak kontraktor yang terlibat dalam projek naik taraf saluran paip pembetungan dekat Taman Sri Nibong di sini supaya meningkatkan aspek-aspek keselamatan kawasan sekitar.

Katanya, ianya penting dalam menjaga keselamatan penduduk dan orang ramai yang lalu-lalang di kawasan berkenaan.

"Saya mahukan aspek keselamatan pengguna laluan ini diletakkan sebagai nombor satu. Pencahayaan dan papan tanda perlu ditambah untuk elakkan kekeliruan dan kemalangan yang tak diingini.

"Kita perlu ambil iktibar daripada kejadian tahun lepas dekat Relau yang mana apabila berlaku banjir, air naik sehingga ada orang awam yang menjadi mangsa korban," tegas Mohd. Rashid ketika melakukan lawatan tapak kerja-kerja naik taraf di Taman Sri Nibong di sini 18 Januari lalu.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Shahrudin Mohamed Sharif dan wakil syarikat kontraktor berkaitan.

Mohd. Rashid dalam pada itu menasihatkan penduduk dan pengguna supaya dapat bersabar ketika kerja-kerja naik taraf dilakukan memandangkan ianya adalah untuk kepentingan masa hadapan.

"Jika naik taraf ini tidak dilakukan, saluran najis di rumah akan tersekat, masuk semula dalam tandas lantas boleh jejaskan kebersihan dan kesihatan.



MOHD. Rashid Hasnon (tujuh dari kiri) ketika pada lawatan tapak projek naik taraf saluran paip pembetungan di sini baru-baru ini.

"Saya tidak mahu jadi seperti di Taman Sunway Tunas sebelum ini yang mana hampir keseluruhan taman tersebut terjejas akibat ada saluran tersekat sebelum ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak.

Dalam pada itu, wakil kontraktor memaklumkan antara skop projek yang sedang dinaik taraf adalah rumah pam berdekatan Jalan Aziz Ibrahim daripada 40,000 *population equivalent* (p.e) kepada 70,000 p.e.

"Di Jalan Bukit Kecil (Taman Sri Nibong) pula, kerja-kerja penukaran paip sedang dilakukan iaitu dari 450 milimeter (mm) kepada 900 mm melibatkan pengorekan tujuh hingga lapan meter (m) dalam.

"Kita jangkakan kerja-kerja di Jalan Sultan Azlan Shah akan siap pada April depan di Jalan Bukit Kecil (Mei 2018)... manakala bagi seluruh kawasan di Parlimen Bayan Baru, kita jangka siap sepenuhnya pada bulan Oktober," jelasnya.

Mengulas tentang pemajuan projek, wakil berkaitan memberitahu bahawa kini pihaknya mengalami kelewatan sebanyak dua peratus akibat pengalihan kabel-kabel utiliti.

## ADUN sumbang mesin pencetak 3D galak pembudayaan STEM

**DATUK KERAMAT –** Pelajar Sekolah Menengah Han Chiang kini berpeluang menghasilkan objek cetakan 3 dimensi (3D) rekaan mereka sendiri dengan menggunakan inovasi mesin pencetak 3D terkini hasil sumbangan Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN) baru-baru ini.



JAGDEEP Singh Deo (kiri sekali) sambil ditemani sekumpulan pelajar dari Makers Club Sekolah Menengah Han Chiang melihat objek yang sedang dihasilkan oleh mesin pencetak 3D yang disumbangkan kepada sekolah terbabit di sini baru-baru ini.

ADUNnya, Jagdeep Singh Deo ketika mengadakan lawatan ke sekolah terbabit berkata, sumbangan tersebut adalah sebagai galakan ke arah pembudayaan inovasi dalam kalangan pelajar sejajar dengan pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) yang dilaungkan Kerajaan Negeri.

"Kita (Kerajaan Negeri) sememangnya menggalakkan para pelajar terlibat dalam STEM, dan ia akan menjadi pengalaman baharu buat mereka.

"Pulau Pinang sedang bergerak ke arah Revolusi Industri 4.0, jadi keperluan melengkapkan pelajar dengan kemahiran pengkomputeran adalah suatu keperluan," katanya yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengetua Sekolah Menengah Han Chiang, Kung Bee Lee dan Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Ngoo Seong Boon.

Jagdeep memperuntukkan sejumlah RM4,000 bagi membekalkan seunit pencetak 3D kepada sekolah terbabit.

Pada majlis sama, beliau turut mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM20,000 bagi meringankan beban pentadbiran sekolah selepas kejadian banjir besar yang berlaku 4 dan 5 November tahun lalu.

## Penduduk Flat Desa Mawar nikmati lif baharu

**AIR ITAM –** Cadangan penyelesaian akan dikenal pasti bagi mengatasi masalah kemudahan fasiliti di Flat Desa Mawar di sini.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai berkata, beliau telah mengadakan perbincangan dengan Badan Pengurusan Bersama (JMB) Flat Desa Mawar bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi penduduk membabitkan enam blok kawasan berkenaan terutamanya melibatkan pam air dan lif.



WONG Hon Wai (berkemeja merah jambu) bersama-sama penduduk mencuba lif baru Blok 1, Flat Desa Mawar di sini baru-baru ini.

Bagaimanapun, menurut beliau, pihaknya akan cuba membantu sedaya yang mungkin.

"Saya telah meminta JMB membuat semakan dan pemantauan sekiranya mana-mana blok di sini menghadapi masalah pam air yang rosak.

"Masalah utama seperti pam air dan lif uzur adalah dua masalah utama yang perlu ditangani segera, jika tidak, ia akan menganggu dan mendatangkan masalah kepada penduduk.

"Saya akan cuba lihat bagaimana untuk membantu masalah ini," ujarnya pada Majlis Pelancaran Lif Baru Blok 1, Flat Desa Mawar di sini baru-baru ini.

Kos keseluruhan penukaran lif baharu tersebut mencecah RM226,840.

Melalui peruntukan Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP), Kerajaan Negeri telah menyalurkan dana sejumlah RM181,472, manakala bakinya, 45,368 disumbang Hon Wai daripada peruntukan Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam.

Difahamkan, tahun lalu Hon Wai turut menjalankan kerja-kerja pengecatan semula keseluruhan tembok flat tersebut yang telah usang dan menukar baharu pam air rosak di Blok 3.

# "Rakyat ada mata untuk lihat, ada telinga untuk dengar dan hati untuk rasa siapa yang jaga rakyat"

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



**Kenaikan jumlah sumbangan Program Penghargaan Warga Emas daripada RM100 kepada RM130 adalah sebagai pengiktirafan kemampuan urus tadbir Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) meneruskan dividen 'anti-rasuah'.**

**KETUA MENTERI PULAU PINANG, TUAN LIM GUAN ENG.**

**AIR ITAM -** Pemberian sumbangan penghargaan kepada warga emas bukan sekadar wang, namun ianya adalah penghargaan Kerajaan Negeri kepada 175,000 golongan tersebut yang banyak berjasa, ujar Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Katanya, respons tersebut diceritakan kepada beliau melalui seorang warga emas yang menerima bantuan tersebut sejak bayaran pertama pada tahun 2009.

"Yang penting bukan wang, tetapi penghargaan Kerajaan Negeri, dan kita (Kerajaan Negeri) ingat kepada mereka (warga emas). Apabila usia macam ini, kadang-kadang masyarakat lupa kepada mereka (warga emas), bukan sahaja masyarakat, kadang-kadang keluarga pun lupa sama mereka (warga emas).

"Tetapi, Kerajaan Negeri tidak pernah lupa sama anda (warga emas) semua... dan oleh itu, sampai masanya tahun ini Kerajaan Negeri menaikkan bayaran (ini) kepada RM130 daripada RM100 sebelum ini," ujarnya pada sidang media Majlis Penyampaian Sumbangan Program Penghargaan Warga Emas bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Putih dan Air Itam di sini 27 Januari lalu.

Menurut Guan Eng, adalah terpulang kepada rakyat untuk menilai sama ada serangan media pro Barisan Nasional (BN) selama ini kepada Kerajaan Negeri memberi impak atau tidak.

"Rakyat ada mata untuk lihat, ada telinga untuk dengar dan hati untuk rasa siapa yang jaga rakyat," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Hadir sama, ADUN Air Itam, Wong Hon Wai.

Difahamkan, pembayaran Program Penghargaan Warga Emas Fasa 1 Tahun 2018 adalah melibatkan kos sebanyak RM22,652,110 bagi seluruh negeri Pulau Pinang.

"Ini semua adalah hasil urus tadbir cekap Kerajaan Negeri dengan lebihan belanjawan sebanyak RM89.2 juta seperti mana yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2016 baru-baru ini.

"Kerajaan Pakatan harapan juga nekad menghapuskan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sekiranya menang ke Putrajaya sambil meneruskan Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dengan formula sama di Pulau Pinang walaupun di sini kita tak kutip GST," ulas Guan Eng.

## PERUTUSAN

Salam Sejahtera.

**KENAIKAN SUMBANGAN PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS DARIPADA RM100 KEPADA RM130 SEBAGAI PENGIKTIRAFAN KEMAMPUAN URUS TADBIR CEKAP, AKAUNTABILITI DAN TELUS (CAT) MENERUSKAN DIVIDEN 'ANTI-RASUAH'**

Program Penghargaan Warga Emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah diperkenalkan sejak tahun 2009 untuk memberi penghargaan, pengiktirafan dan penghormatan kepada semua warga emas negeri tanpa mengira kaum, agama dan fahaman politik. Sejak program ini diperkenalkan, semua rakyat Pulau Pinang yang merupakan pengundi negeri ini dan berusia lebih 60 tahun layak untuk menerima sumbangan tersebut. Setakat tahun 2017, seramai 167,489 orang warga emas telah menerima manfaat daripada program ini.

Dalam Belanjawan Marhaen 2018, Kerajaan Negeri telah menaikkan bayaran sebanyak RM30 iaitu daripada RM100 kepada RM130 bermula pada tahun ini. Bagi pembayaran Program Penghargaan Warga Emas Fasa 1 Tahun 2018, seramai 174,247 orang akan menerima RM130 ini dan melibatkan kos sebanyak RM22,652,110. Kenaikan daripada RM100 kepada RM130 ini ialah sebagai pengiktirafan kejayaan urus tadbir CAT dalam meneruskan dividen 'anti-rasuah' kepada rakyat Pulau Pinang, khususnya warga emas.

Hasilnya ialah Pulau Pinang telah mencatatkan lebihan Belanjawan sebanyak RM89.2 juta seperti mana yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2016 baru-baru ini. Ini bermakna keuntungan Kerajaan Negeri secara terkumpul sejak 2008 adalah RM667 juta berbanding dengan RM105.7 juta untuk tempoh 9 tahun yang sama sebelum 2008. Jumlah RM667 juta adalah lebih daripada jumlah RM373 juta oleh Kerajaan Negeri lama selama 50 tahun dari 1957 hingga 2007. Hutang negeri telah berjaya dikurangkan sebanyak 90% kepada RM68 juta pada akhir 2016, iaitu jumlah hutang paling rendah di Malaysia.

Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan beberapa dasar baharu dalam Belanjawan Marhaen 2018 yang bertujuan meringankan beban kewangan rakyat di Pulau Pinang seperti berikut:

(i) Kad pintar "I-Love-Penang" untuk pelbagai kemudahan dan faedah sosial Negeri Pulau Pinang.

(ii) RM60 juta di bawah Program Penang Sihat untuk isi rumah berpendapatan bawah RM5,000 sebulan. RM300 setahun akan dikreditkan ke dalam kad "I-Love-Penang" untuk membayar yuran perkhidmatan (RM50 setiap lawatan) di klinik swasta. Individu yang tidak berkahwin dengan pendapatan kurang daripada RM2,500 sebulan akan mendapat kredit RM150 setahun.

(iii) RM15 juta bantuan penjagaan anak untuk ibu berkerjaya. Semua ibu berkerjaya sehingga usia 60 tahun dengan seorang anak yang berusia enam (6) tahun akan dibayar insentif tunai sebanyak RM300 setahun.

Kerajaan Negeri bersyukur atas sokongan rakyat yang teguh ke atas pentadbiran bersih berasaskan CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus) yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan yang diberi pujian oleh Transparency International dan Ketua Audit Negara saban tahun.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,

**LIM GUAN ENG**
Ketua Menteri Pulau Pinang